



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
ENCIK ABDUL JALIL BIN ABDUL HAMID,
PENYANYI DAN PELAKON TERKENAL MALAYSIA,
MENGENAI TOKOH ARTIS VETEREN PADA TAHUN 80-AN**

**ABDUL HAYYU BIN MOHD NORDIN
(2019612152)
NUR SHAHIRA BINTI SHAROM
(2019206898)**

SEMESTER OKTOBER 2021– FEBRUARI 2022

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
ENCIK ABDUL JALIL BIN ABDUL HAMID,
PENYANYI DAN PELAKON TERKANAL MALAYSIA
MENGENAI TOKOH ARTIS VETEREN PADA TAHUN 80-AN**

**ABDUL HAYYU BIN MOHD NORDIN
(2019612152)**

**NUR SHAHIRA BINTI SHAROM
(2019206898)**

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER OKTOBER 2021 – FEBRUARI 2022

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN		M/S
ROMAN NUMERALS	Abstrak Penghargaan Senarai Abreviasi Senarai Singkatan Rujukan Kata	i ii iii iv v
1.0	Biodata Penemubual 1.1 Penemubual Pertama 1.2 Penemubual Kedua	1 2
2.0	Biodata Tokoh 2.1 Biodata Tokoh 2.2 Pengenalan Kepada Tokoh	3 4
3.0	Sejarah Lisan 3.1 Pengenalan 3.2 Objektif Sejarah Lisan 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	5 6-7
4.0	Kajian Literatur 4.1 Topik 1 4.2 Topik 2	8-9 10-11
5.0	Transkrip Temubual bersama Tokoh	12-94
6.0	Log Temubual	95-98
7.0	Ralat	99
8.0	Glosari	100-101
9.0	Indeks	102-103
10.0	Bibliografi	104-106
11.0	Lampiran 11.1 Bibliografi Tokoh 11.2 Surat Perjanjian 11.3 Senarai Soalan 11.4 Diari Penyelidikan 11.5 Gambar, Sijil-Sijil dan Hal Berkaitan	107 108 109-116 117-118 119-120

ABSTRAK

Transkrip ini membincangkan mengenai perjalanan seorang artis veteran dalam bidang nyanyian dan lakonan. Beliau menceburi bidang ini sewaktu berusia seawal 17 tahun dan masih bergiat aktif dalam bidang seni lakonan sehingga kini. Bidang seni lakonan dan nyanyian menyumbang dalam memperkenalkan nama Malaysia di mata dunia. Oleh sebab itu, kajian sejarah lisan adalah salah satu alternatif untuk mendalami dan merungkai perjalanan hidup seorang artis veteran. Menerusi proses temu bual bersama tokoh, kami dapat mengetahui pahit getir yang dihadapi beliau untuk kekal aktif dalam bidang seni ini. Kajian ini juga turut menumpukan perhatian kepada latar belakang, pendidikan, sejarah penglibatan tokoh dalam bidang seni, penganugerahan, pengalaman dan juga cabaran yang dihadapi oleh tokoh dalam bidang seni lakonan dan nyanyian. Melalui temu bual ini, pelbagai input telah kami perolehi bagi tujuan menghasilkan transkrip dan menerbitkannya di dalam arkib UiTM. Akhir kata, kami berharap agar kajian ini dapat membantu dalam mendedahkan sejarah hidup tokoh ini dalam usaha untuk mendedahkan pengalaman artis veteran kepada masyarakat dan negara.

Kata kunci: Sejarah lisan, bidang seni, lakonan, nyanyian, tokoh, artis, veteran, arkib UiTM.

This transcript discusses the journey of a veteran artist in the field of singing and acting. He ventured into this field when he was as young as 17 years old and is still active in the field of acting to this day. The field of acting and singing contributes in introducing Malaysia's name in the eyes of the world. Therefore, the study of oral history is one of the alternatives to deepen and unravel the life journey of a veteran artist. Through the interview process with the figure, we were able to find out the bitter bitterness he faced to remain active in this field of art. This study also focuses on the background, education, history of the involvement of figures in the field of art, awards, experience and also the challenges faced by figures in the field of acting and singing. Through these interviews, we have obtained various inputs for the purpose of producing transcripts and publishing them in the UiTM archives. Finally, we hope that this study can help in revealing the life history of this figure in an effort to reveal the experience of veteran artists to the community and the country.

Keywords: Oral history, art field, acting, singing, figures, artists, veterans, UiTM archives.

PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah kehadiran Illahi dengan izin kurniaannya kami dapat menyelesaikan segala tugas transkrip kami dengan jayanya. Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan tugas ini sehingga selesai.

Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih sebagai penghargaan kepada pensyarah kami bagi subjek Oral Documentation, kod subjek IMR604 iaitu Puan Siti Noorsiah Binti Jamaludin kerana telah memberikan tunjuk ajar dan bimbingan sepenuhnya terhadap tugas ini. Melalui tunjuk ajar dan sokongan daripada beliau, kami telah dapat melaksanakan segala tugas kami dengan jayanya.

Di samping itu, kami ingin memberikan penghargaan kepada Encik Abdul Jalil Bin Abdul Hamid sebagai ucapan terima kasih kerana sudi ditemu bual oleh kami dan telah bersetuju untuk menjadi tokoh sebagai rujukan tugas kami sekaligus berkongsi tentang pengalaman dan kisah kehidupan beliau sepanjang berada di dalam industri seni ini. Tanpa kesudian dan kerjasama daripada beliau, kami tidak mampu melaksanakan tugas ini dengan sebaik-baiknya.

Akhir kata tidak dilupakan juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada rakan-rakan, keluarga serta kedua ibu-bapa yang telah membantu kami dengan memberikan pelbagai kemudahan, nasihat serta tunjuk ajar dalam melaksanakan tugas ini.

Sekian, Terima Kasih.

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
USM	UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
ITM	Institut Teknologi Mara
TSBJ	Taman Seni Budaya Johor
PhD	Philosophiae doctor (doktor falsafah)
MATIC	Malaysia Tourism Centre
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
MBSA	Majlis Bandaraya Shah Alam
UiTM	Universiti Teknologi Mara
ASWARA	Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)

SENARAI SINGKATAN

AJAH : Abdul Jalil Abdul Hamid

AHMN : Abdul Hayyu Mohd Nordin

NSS : Nur Shahira Sharom

RUJUKAN KATA

Pon	Juga
Da	Sudah
Jela	Sahaja
Laki-laki	Lelaki
Ataupon	Ataupun
Yela	Ialah
Tak	Tiada
Kerjaan	Kerja
Ugama	Agama
Jugak	Juga
Kena	Perlu
Ambik	Ambil
Kot	Mungkin
Tak tau	Tidak tahu
Nak	Hendak
Ni	Ini
Takde	Tiada
Ugama	Agama
Tah	Entah
Demo	Kamu
Pulak	Pula
Kejo	Kerja
Punyo	Punya
Dugaey	Dugaan
Diorang	Dia orang
Je	Sahaja
Tu	Itu
Taruk	Letak
Kat	Dekat
Bini	Isteri

BIODATA
PENEMUBUAL

1.0 BIODATA PENEMUBUAL

1.1 Penemubual Pertama



Nama:	Abdul Hayyu Bin Mohd Nodin
Tarikh Lahir:	24/09/1999
Tempat Lahir:	Klinik Kesihatan Chaah
Alamat:	No 13 Jalan Berjaya, Taman Berjaya 83700 Yong Peng, Johor
No Telefon:	[REDACTED]
Emel:	Abdulhayyu24@gmail.com
Program:	Pengurusan Rekod (IM246)

1.2 Penemubual Kedua



Nama:	Nur Shahira Binti Sharom
Tarikh Lahir:	09/03/1999
Tempat Lahir:	Hospital Besar Melaka
Alamat:	1067-1 Batu 9, Pantai Kundor, 76400 Tanjong Kling, Melaka.
No Telefon:	[REDACTED]
Emel:	shahirasharom99@gmail.com
Program:	Pengurusan Rekod (IM246)

BIODATA

TOKOH

2.0 BIODATA TOKOH

2.1 BIODATA TOKOH



Nama:	Abdul Jalil Bin Abdul Hamid
Tarikh Lahir:	25/04/1957
Tempat Lahir:	Kampung Kuala Masai, Johor
Alamat:	Pasir Gudang, Felda Cahaya Baru
No Telefon:	██████████
Profession	Pelakon dan Penyanyi
Bidang	Industri Seni Muzik Dan Lakonan

2.2 PENGENALAN KEPADA TOKOH

Tokoh yang dipilih untuk melakukan kajian sejarah lisan ini ialah Abdul Jalil bin Abdul Hamid. Beliau lahir pada 25 April 1957. Beliau merupakan seorang pelakon, penyanyi dan pelawak Malaysia. Beliau mula melibatkan diri dalam bidang seni teater pada awal tahun 1970 an, semasa beliau bersekolah menengah. Pada tahun 1984, beliau aktif dalam bidang teater di bawah Persatuan Tanjung Puteri. Beliau juga merupakan seorang pengajar teater di Institusi Teknologi Mara, Shah Alam pada April 1984.

Jalil Hamid mula menceburkan diri dalam bidang lakonan pada tahun 1990. Filem pertama yang dilakonkan oleh beliau ialah *Driving School*, beliau melakonkan watak bernama Basir. Antara filem-filem terkemuka yang dilakonkan oleh beliau seperti *Zombi Kampung Pisang* (2007) dan *Bisik Pada Langit* (2017). Beliau turut menghasilkan beberapa buah lagu seperti *Ayam, Makan, Mata dan Raya*.

Jalil Hamid juga tercalon dan memenangi beberapa anugerah sepanjang kariernya dalam bidang seni. Antara anugerah yang dimenangi beliau ialah *Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik Drama* (2016) dan *Pelakon Lelaki Terbaik Filem* (2018).

SEJARAH LISAN

3.0 SEJARAH LISAN

3.1 Pengenalan

Sejarah lisan boleh didefinisikan sebagai bidang pengajian dan kaedah dalam mengumpulkan, memelihara dan menafsirkan suara dan kenangan orang, masyarakat dan peserta berkaitan peristiwa yang berlaku pada masa lalu (Universiti Malaya, 2021). Ia juga ialah kenangan-kenangan seseorang tokoh yang dapat menyumbang maklumat bersejarah berkaitan penglibatan atau pengalaman mereka yang berhubung secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa yang terjadi dan informasi tersebut dirakamkan melalui wawancara (Pusat Kajian Sejarah Lisan, 2007). Kaedah ini digunakan oleh seseorang sejarawan sejarah untuk mendapatkan maklumat sejarah melalui sumber lisan dan proses penyampaian, penyimpanan serta pengabdian tradisi bergantung kepada kekuatan ingatan beberapa generasi manusia mengenai sejarah yang berlaku (Nur Shima. 2019).

Berdasarkan kajian yang akan dikaji, iaitu bibliografi artis veteran, mereka ialah individu yang mempunyai pengalaman yang lebih luas dalam bidang seni lakonan dan nyanyian berbanding dengan artis baharu yang menceburi dalam industri ini. Malaysia dikenali dengan ramai artis yang terkenal dan berbakat dalam bidang seni. Seperti yang kita tahu, hiburan tidak dapat dipisahkan oleh masyarakat kita pada masa kini. Menurut (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2017) artis membawa maksud golongan penghibur seperti penyanyi dan penari di mana mereka akan melakukan rakaman persembahannya dalam sesebuah album dengan syarikat rakaman mengikut kontrak tertentu.

3.2 Objektif Sejarah Lisan

Objektif kajian ini adalah:

1. Untuk mengetahui cabaran dan liku-liku kehidupan artis veteran yang dipilih untuk dijadikan rujukan sejarah lisan.
2. Untuk mengkaji persepsi artis muda terhadap artis veteran dalam industri seni.
3. Untuk mendapatkan sumber primer daripada artis veteranyang dipilih untuk dijadikan koleksi sejarah lisan.

3.3 Kepentingan Sejarah Lisan

3.3.1 Individu

Sumbangan kajian ini kepada individu ialah orang yang ditemubual mampu memberi pandangan baharu kepada pendengar. Ini dapat menjadi pencetus semangat masyarakat agar lebih menyedari sejarah mereka sendiri dan meransang minat dan penyelidikan tentang sejarah tempatan. (Dr Syed Ismail Syed Mustafa, Dr Pushpavalli A. Rengasamey & Meor Aris Meor Hamzah, 2016) Sebagai contoh, artis muda Erni Zakri merupakan anak saudara kepada artis veteran Ziana Zain dan Anuar Zain. Erni Zakri menjadikan Ziana Zain dan Anuar Zain sebagai idolanya namun tidak menggunakan nama ibu dan bapa saudaranya sebagai tiket untuk menempatkan diri bidang seni nyanyian.

3.3.2 Masyarakat

Sumbangan sejarah lisan ialah berperanan dalam membawa dan memperkenalkan sejarah dari luar kedalam sesuatu masyarakat atau pun sebaliknya. Maklumat-maklumat yang diperolehi dalam sumber lisan ini sungguh bernilai kepada masyarakat untuk memahami peristiwa-peristiwa yang saling berkait dari sudut yang luas. Sesungguhnya, sejarah lisan amat unik kerana ia dapat menghubungkan zaman yang lalu dan zaman sekarang melalui

rakaman pengalaman-pengalaman yang bersejarah (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007). Sebagai contoh, Sheila Majid atau dikenali Ratu Jazz Malaysia berjaya mengadakan konsert jelajah di Indonesia sebelum mengembangkan sayapnya di negara matahari terbit, Jepun. Sheila menjadi artis Malaysia pertama yang berjaya menempa nama di Jepun sewaktu membuat persembahan di Festival Musik Tokyo 1989.

3.3.3 Industri Seni

Kewujudan sejarah lisan ini dapat memberi sumbangan terbesar dan kebaikan kepada masyarakat kita di Malaysia. Menurut Pusat Kajian Sejarah Lisan (2007), sejarah lisan berfungsi untuk mengumpul dan menyimpan maklumat yang telah dikumpul melalui kaedah berhubung yang digunakan seperti melalui telefon, surat, atau bersemuka. Dengan menggunakan kaedah lisan ini, masyarakat dapat merakam semula detik-detik berharga atau memori mereka yang tidak pernah dirakam atau yang telah hilang untuk mengekalkan sejarah-sejarah yang ada (Nur Shima, 2019). Hal ini demikian kerana, sebahagian cerita atau sejarah tidak dirakam atau direkodkan kerana kurangnya kesedaran akan pentingnya tokoh artis veteran terhadap industri seni dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, dengan adanya sejarah lisan ini, kita dapat memperolehi sedikit sebanyak dalam mengumpul semula cerita-cerita yang bernilai bagi sesuatu bidang (Nur Shima, 2019). Tujuan kita melakukan sejarah lisan ini adalah bagi memastikan sejarah yang bernilai itu tidak akan dilupakan oleh masyarakat dan dalam masa yang sama dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat agar lebih menghargai sejarah yang ada (Eko Prayitno Joko, 2020).

KAJIAN LITERATUR

4.0 KAJIAN LITERATUR

4.1 TOPIK 1: INDUSTRI SENI

Industri seni ialah industri terbesar diseluruh dunia yang khususnya memberikan hiburan kepada semua lapisan masyarakat. Industri seni ini melibatkan ramai golongan seni dan karyawan yang kita boleh mendapat faedah daripadanya jika ada satu usaha untuk menghimpunkan semuanya di bawah satu bumbung. Sebagai contoh, pencipta lagu atau penulis lirik tidak kira berpengalaman atau baru boleh memasarkan karya mereka kepada wakil-wakil syarikat rakaman atau artis dari dalam serta luar negara. (Rozi Abdul Razak, 2017).

Industri seni terdiri kepada beberapa bahagian di mana kajian ini memilih untuk mengkaji seni lakonan, nyanyian dan muzik (Rozi Abdul Razak, 2017). Setiap seni ini memainkan peranan yang berbeza dalam industri di Malaysia.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, (2017) mendefinisikan seni sebagai halus (kecil, elok), tipis dan halus. Seni juga diertikan sebagai karya seperti sajak, lukisan, muzik, dan lain-lain yang dicipta dengan bakat hasil daripada sesuatu ciptaan. Kesenian pula diertikan sebagai perihal seni yang berkaitan dengan seni, keindahan atau kehalusan. Di Malaysia, Indonesia, dan Thailand terdapat satu istilah kesenian yang di kongsi bersama tetapi membawa maksud yang berbeza. Istilah itu ialah "lakon".

4.1.1 Industri Lakonan

Di Malaysia dan Indonesia "lakon" membawa maksud cerita yang dipentaskan. Di Thailand pula istilah yang sama membawa maksud tarian. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2017). Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (1985), lakonan ialah suatu cara penceritaan yang disampaikan dengan cara meniru dan menghayati diri pelaku (watak) dalam sesebuah cerita yang berlainan dengan dirinya yang sebenar.

Seterusnya, terdapat jenis-jenis watak yang perlu dihayati oleh individu tersebut seperti lakonan artistik iaitu gerak geri seni baik pada percakapan mahupun pada gerak lakon berbanding dengan realistik iaitu gerak geri biasa lawan kepada artistik. Hubungan jenis lakonan artistik dengan realistik boleh

diibaratkan antara orang berjalan dengan orang menari. Orang berjalan itu disebut realistik dan orang menari itu disebut artistik (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2017).

4.1.2 *Industri Nyanyian*

Nyanyian merujuk kepada gubahan atau ciptaan muzik yg dilagukan dgn suara; bunyi atau suara yg berirama dan berlagu. (Kamus Pelajar Edisi Kedua). Menurut kamus Dewan edisi keempat, nyanyian membawa maksud gubahan muzik yang dilagukan dengan suara.

Dalam nyanyian, kita perlu memahami unsur seni dalam lagu supaya dapat mempraktikkannya ketika belajar. Menurut Kennedy (1996) melodi dalam nyanyian mempunyai suatu susunan pelbagai pitch yang tersusun. Setiap melodi perlu mempunyai dua karakter asas iaitu pitch dan duration. Selain melodi, harmoni juga adalah elemen yang sama penting dalam sesebuah muzik. (Erickson, 1975).

Melalui nyanyian, kita akan memudahkan lagi proses pembelajaran kerana melodi yang dialunkan akan membuatkan seseorang itu lebih mudah mengingat sesebuah perkataan melalui bait bait lagu tersebut. Pelajar akan lebih mudah menyebut, memahami dan menghayati sesebuah perkara yang ingin disampaikan apabila disertakan dengan muzik.

4.2 TOPIK 2: ARTIS VETERAN

Veteran ialah individu yang telah berpengalaman lama dan pakar dalam sesuatu pekerjaan atau bidang yang mahir dalam diri seseorang. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2017).

Berdasarkan kajian yang akan dikaji, artis veteran merujuk kepada orang yang telah banyak pengalamannya dalam sesuatu perkara. Sebagai contoh, artis-artis lama yang telah berkecimpung dalam dunia industri pada tahun 60,70,80an sudah boleh diiktiraf sebagai artis veteran kerana mereka telah lama berkhidmat dalam industri tersebut.

4.2.1 Artis Veteran Dalam Bidang Lakonan

Seterusnya, pelakon veteran lebih banyak pengalaman dan mereka boleh menghasilkan sesuatu yang berkualiti kerana sudah lama bergiat dalam dunia seni.

Walaupun sudah lama dalam bidang lakonan, sesetengah artis veteran masih lagi popular sehingga masa kini. Menurut akhbar Berita Harian (2019), artis lama lebih berkualiti kerana penglibatan mereka bermula dari bawah iaitu dengan sesi penilaian daripada pihak juri. Menurut Jalil Hamid, pada tahun 1974, beliau menghadiri sesi temuduga untuk melibatkan diri dalam bidang seni lakonan teater.

4.2.2 Artis Veteran Dalam Bidang Nyanyian

Terdapat seorang penyanyi yang terkenal pada era 1980-an itu telah mengatakan bahawa selagi terdaya dan mempunyai kudrat untuk menghiburkan peminat, selagi itulah istilah veteran dirasakan tidak wajar dilabelkan pada dirinya. Penyanyi tersebut menyatakan bahawa dia tidak mahu digolongkan dalam kategori itu, katanya golongan veteran sesuai digelar adalah apabila seseorang artis itu sudah bersara

dari bidang diceburinya (Nadia Azam, 2018). Penggunaan perkataan veteran itu tidak membawa maksud kepada seseorang yang sudah bersara, tetapi veteran membawa maksud kepada seseorang yang berpengalaman dalam sesuatu bidang. Oleh itu, panggilan artis veteran merupakan suatu kehormatan kerana ia menunjukkan artis tersebut sudah melalui pelbagai cabaran dan mempunyai banyak pengalaman.

Karya artis veteran lebih berkualiti kerana pengalaman yang ada pada mereka. Menurut ratu rock negara Nur Azila Aminuddin (2017) mengakui kebanyakan penyanyi pada zaman 1980-an dan 1990-an terus diminati kerana hasil karya mereka yang berkualiti. Tanpa perlu mencipta kontroversi, penyanyi mahupun pelakon pada masa itu berdiri atas bakat yang dimiliki (Berita Harian, 2020). Tambahan juga, Nur Azila Aminuddin berkata karya yang dihasilkan oleh artis veteran sangat berkualiti dan menyentuh jiwa kepada Berita Harian semasa dihubungi. Katanya, kebanyakan penyanyi dan pelakon lama bersikap jujur untuk menghiburkan peminat. Selain itu, Nur Azila Aminuddin turut berpesan kepada artis baru untuk menghasilkan sesuatu karya. (Berita Harian, 28 Ogos 2019). Hal ini menunjukkan, pengalaman amat penting dalam melaksanakan sesuatu bidang.

**TRANSKRIP
TEMUBUAL
BERSAMA TOKOH**

5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan seorang tokoh dalam bidang industri seni. Bersama kami ialah Encik Abdul Jalil Bin Abdul Hamid atau dikenali sebagai Jalil Hamid yang merupakan seorang artis veteran dalam bidang seni lakonan dan nyanyian. Rakaman ini dijalankan pada Tarikh 22 November 2021 bersamaan dengan hari Isnin pada jam 10.00 pagi bertempat di Pustaka Raja Tun Uda. Temubual ini dikendalikan oleh saya Abdul Hayyu Bin Mohd Nordin dan pasangan saya Nur Shahira Binti Sharom. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

AHMN : Baiklah encik, untuk soalan pertama kami mengenali, satu Malaysia kenal encik. Nama encik Abdul Jalil Bin Abdul Hamid dan dikenali Jalil Hamid, dilahirkan di Johor Bahru [Malaysia], betul? dan dibesarkan di Johor Bahru [Malaysia]

AJAH : Okey, saya memang dilahirkan di Johor Bahru [Malaysia] tapi di sebuah kawasan kampung nelayan di Kampung Kuala Masai di Masai, Johor. Rumah saya dekat dengan Pasir Gudang. Saya dibesarkan di Felda Cahaya Baru.

AHMN : Tu memang di Bandar Masai lah

AJAH : Ya, dia lebih kurang lima belas kilometer (15) daripada bandar Masai. Di Felda, sebuah tanah kerajaan, tapi sekarang da tak felda la.

AHMN : So [jadi] sekarang memang tempat tu masih ada ataupun - -

AJAH : Ada dan jadi perkampungan biasa.

AHMN : Dan masih - -

AJAH : Dah jadi kawasan industri sekarang.

AHMN : Kelapa sawit?

AJAH : Dia dulu getah.

AHMN : Oh getah

AJAH : Tapi felda tu da takde dah, da jadi perkampungan. Dia sekarang ni jadi kawasan perumahan dan industri.

AHMN : So, [Jadi] boleh saya tau encik anak ke berapa dalam keluarga?

AJAH : Saya anak yang ketiga

AHMN: Daripada?

AJAH : Daripada lima (5) orang adik beradik. Dua (2) perempuan tiga (3) lelaki. Saya anak yang nombor tiga (3), nombor empat (4), nombor lima (5) laki-laki atas saya kakak.

AHMN : Adik beradik encik di mana sekarang ataupun ada yang - -

AJAH : Masih ada,ada di Johor.

AHMN : Semua di Johor [Malaysia]?

AJAH : Ya.

AHMN : Dan masing-masing dengan kerjaya sendiri atau - -

AJAH : Ya, dengan kerjaya sendiri

AHMN : Atau ada yang dalam lakonan juga?

AJAH : Tak ada.

AHMN : Encik sorang jela

AJAH : Ya.

AHMN : Boleh saya tau apa hobi encik bila dalam masa terluang, tiada *shooting* [penggambaran] encik lebih suka untuk buat apa?

AJAH : Untuk masa sekarang ni saya ada menulis juga la, tapi - -

AHMN : Menulis - -

AJAH : Tak *serious* [serius] la bukannya kerja yang *serious* [serius] kan. Menulis sikit-sikit lah.

AHMN : Berkaitan apa tu?

AJAH: Berkaitan skrip

AHMN : Oh skrip. Oh yela, saya ada tengok encik pun ada mengarah, adakah itu untuk projek akan datang ataupun masih dalam - -

AJAH : Hiasan jela, kalau ada - -

AHMN : Ada rezeki Insya-Allah. Boleh saya tau genre apa agaknya skrip tu, *maybe* [mungkin] filem (bunyi gangguan) berkaitan cinta ataupun - -

AJAH : (ketawa kecil). Memori lah, saya banyak melihat pada satu memori dan pendidikan lah.

AHMN : Menarik tu, biasalah orang veteran ni dia punya aura tu dia lebih kepada, ada intipati setiap karya dia tu ada intipati. Itu memang saya sokong lah sebab tu saya ada baca orang lama dia kalau berlakon memang akan ada aura dia tersendiri bukan hanya lakonan semata-mata.

AJAH : Pada saya sebab kerja berlakon ni adalah sebuah kerja yang boleh mengubah sesuatu. Kita memang tak nampak ada orang tu apa boleh jadi orang tu jadi berubah atau apa. Tapi pada sayalah kerjaan ni sebenarnya membabitkan benda yang terlalu luas, perkara yang terlalu luas. Okey, kalau kita di Malaysia ni, kita berbangsa Melayu, berbangsa Malaysia lah senang cerita. Apa keperibadian orang Malaysia yang sebenarnya? Apa budaya orang Malaysia sebenarnya?

AHMN : Keperibadian lebih kepada perkauman kaum yang bersatu padu.

AJAH : Maksud saya, okey kalau kamu orang cina di Malaysia, kalau orang India di Malaysia, kamu orang Melayu di Malaysia, setiap rumpun ini setiap bangsa ini ada dia punya sifat dia. Betul tak? Peribadi dia

AHMN & NSS : Ye betul-betul (mengangguk kepala)

AJAH : Tapi kita, dalam filem kita pon kita tak pernah tunjuk benda tu

AHMN : Ya. Dia lebih kepada cinta

AJAH : Lepastu cinta oleh orang mana

AHMN : Dia bukan - - aah ya ya betul cinta

AJAH : Cinta oleh orang mana? Adakah cinta kita mesti hidup bersekedudukan tanpa nikah. Itu boleh halal ke?

AHMN : Itu tidak boleh, *even* [walaupun] dalam lakonan pun - -

AJAH : Itu bukan peribadi kita kan

AHMN : Yep

AJAH : Benda ini sepatutnya dilihat lebih dekat, lagi satu adakah orang kita sendiri sepatutnya sosial dia bebas?

AHMN : Hmm betul tu, kita ada adat, ada agama

AJAH : Kita ada adat, ada ugama. Kita tak semestinya tunjuk orang kita jalan lelaki perempuan (bunyi gangguan) bukan suami isteri berpeluk-peluk, berpimpin tangan. Konon cinta, adakah sesuai tu?

AHMN : Kalau ikut pada - -

AJAH : Ya. Ini perkara yang patutnya dididik daripada apa yang kita buat. Betul tak? Benda kecil je *small matter* [perkara kecil]

AHMN : Tapi itulah, disebabkan dalam lakonan yang mengajar itu yang diikuti oleh orang luar kan.

AJAH : Orang luar akan ikut drama. Mak, anak bergaduh dengan mak, anak pukul mak, tunjuk dalam dunia ni. Budak budak yang kecil tengok. Oh, boleh pun pukul mak, bukan tak boleh.

AHMN : Kanak-kanak dia lebih tengok - -

AJAH : Ya, dia lagi lebih cepat menangkap. Budak-budak akan tanya, haa tu boleh pukul mak. Sedangkan kita, budaya kita kata berdosa tau pukul mak.

AHMN : Betul. Disebabkan dalam cerita tu - -

AJAH : Menengking mak berdosa - -

AHMN : Dia takda selit-selitkan benda-benda macam tu. So [Jadi] - -

AJAH : Ini yang saya kadang-kadang rasa orang perbahaskan, orang tengok sejauh mana benda-benda tu. Lagi satu *environment* [persekitaran] kita - - di mana. Orang-orang kita masih lagi ada sifat-sifat yang setidak-tidaknya dia berpegang pada agama, jahil mana pun kan

AHMN : Tapi masih ada setitik lah

AJAH : Haa ibarat kata orang melayu, ‘arak minum okey makan babi oh tak boleh’

AHMN & NSS : (mengangguk)

AJAH: Dia tak cakap tau “oh babi tak boleh” setidak-tidaknya kan

AHMN : Dia ada benda yang menidakkan

AJAH: Ya, ada benda yang mengajar dia supaya menidakkan benda yang - -

AHMN : Betul

AJAH : Ini yang sepatutnya kita selitkan pada _ _ . Itu sebab saya kata, saya nak bercakap perkara ni saya sorang tak boleh jugak. Takda makna kan

AHMN : Umpama minoriti nak bercakap dengan - - Kita umpama yang kerdil jelah, takkan didengar.

AJAH : Ya, itu dia, Jadi, kadang-kadang itulah peranan macam *you all* [awak semua] orang muda, yang ada peluang yang bakal akan ada peluang Insya-Allah

AHMN : Insya-Allah

AJAH: Kan, ini benda-benda yang macam ni dipandang, dilihat. Bukan hanya setakat belajar. Kata pensyarah awak buat ni, buat ni.

AHMN : Kami kena terokai sendiri, belajar benda baru.

AJAH : Ya, itu dia. Okey, itu daripada segi apa yang saya buat la. Selain daripada hobi saya. Sekarang ni, dalam usia macam ni, takdalah aktif macam dulu kan. Dulu macam saya, hobi saya nak jadi orang kaya sangat tak lah kan. Jadi suka *riding* [menunggang] kuda, saya suka berjalan, mengembara ke pelusuk-pelusuk negeri. Saya suka berjalan macam tu.

AHMN : Encik menaiki kuda dekat Shah Alam lah? Dia ada tempat dia eh.

AJAH : Haa, dulu saya ada dekat Batu Tiga tu.

AHMN : Ooh atau Encik pun ada kuda sendiri ke?

AJAH : Dulu lah, sekarang dah tak ada dah.

AHMN : Sekarang dah dijual ataupun

AJAH : Jual lah

AHMN : Macam mana eh, kalau kuda tu dia punya penjagaan dia?

AJAH : Oh, dia kuda ni satu binatang yang pandai lah, binatang yang bijak. Dia macam kambing jugak lah, kalau kita bela kambing, kita tak ikhlas.

AHMN : Ooh dia tahu lah hati budi tuan dia tu.

AJAH : Dia tahu, binatang-binatang macam tu, dia lebih pandai daripada kita lah kan (ketawa kecil).

AHMN: Berapa ekor dulu Encik ada?

AJAH: Dulu kami *share* [kongsi] ada satu *group* [kumpulan] lah. Kami ada tiga empat orang yang minat. Jadi kami beli sekor, Bagi orang jaga. Jadi ada tempat dia. Kan dulu selalu di Selangor ni ada banyak tempat diorang buat macam tu.

AHMN: Oh, tempat untuk kuda lah?

AJAH: Ha, untuk kuda lah bukan *clubhouse* [rumah kelab] lah. Macam sekarang ni, kita dekat *clubhouse* [rumah kelab] ni kan. Sini pun ada sebenarnya tapi dia *private* [privasi] lah punya. Kan, kelab-kelab diraja. Tapi yang macam kitorang ni, *share* [kongsi] buat satu tempat kat perkampungan yang diorang ada tanah sikit, buat dekat situ lah Itu lebih murah sikit lah, kalau nak ikut dia mahal. Makanan kuda ni pun sebenarnya kita kena *import* [beli] makan jagung tu dan kalau nak ikutkan pagi-pagi dia kena minum *wine* [wain].

AHMN: Ohhh, baru saya tahu kena minum.

AJAH: Untuk *warm* [panaskan] badan dia kan. Kita tukar, beli kurma yang *dented* [kemek] yang dah *old stock* [stok lama] kan bagi dia makan

AHMN: Buat sendiri la daripada - -

AJAH: Inisiatif lah

AHMN: Letak halal, buat sendiri

AJAH: Ya. Lagipun itu dia punya *energy* [tenaga] lah, kurma-kurma semua tu

AHMN: Ooh yelah kan, makanan sunnah dia ada faedah dia, manfaat dia

AJAH: Itu makanan dia lah, sebab tu saya kata kuda ni untuk dijadikan hobi orang kebanyakan payah sikit. Kan, macam kita kalau ada berniaga ke, ha boleh lah. Macam kita kena beli borong *carrot* [lobak merah] ke macam tu kita boleh bagi dia makan.

AHMN: Sebab saya ada tengok jugak, kuda ni dia punya campuran banyak jugak di ambik macam ubat ke dedak ke pastu macam ada - - dia banyak dicampurkan -

-

AJAH: Palet - -

AHMN: Ha palet - - tu

AJAH: Tapi yang bagus dia makan sayur-sayur, macam jenis-jenis lobakkan. Tu makanan dia lah.

AHMN: Kira waktu tu memang encik *share* [kongsi] dengan kawan-kawan tu ada berapa ekor ke sorang seekor?

AJAH: Waktu tu kita ada tiga ekor cuma orang nya ada enam orang.

AHMN: Oh, kira *weekend* [hujung minggu] sama-sama *riding* [tunggang] lah

AJAH: Ye, seronok lah

AHMN: Kira tempat tu memang khas ada orang tempat tu dia bela kuda lah dekat situ?

AJAH: Ya, orang tu dia memang, memang rajin bela kuda, dia tu jurulatih kuda.

AHMN: Oh, kira memang ngam sehati dengan hidup dia, cara kehidupan dia. Dia tahu lah macam mana nak menjaga kuda. Kira waktu tu Encik beli tu berapa tahun umur kuda tu?

AJAH: Kuda tu baru sembilan tahun saya rasa.

AHMN: Dia punya umur dia tak sama dengan kita kan? Saya ada tengok kucing pun dia umur kita dia punya setahun kita dia berapa tahun kita

AJAH: Tapi yelah, benda-benda macam tu *interesting* [menarik] lah. Tapi bukannya boleh kerap, bukan boleh lama. Cuma sekarang aaa banyak yang mudah, kita boleh pergi kat tempat *riding* [menunggang].

AHMN: *Just* [cuma] sewa je

AJAH: Macam dekat sini, dekat shah alam ni denai alam ada.

**AHMN: Oh. Tapi tu, Encik ambik masa berapa lama untuk sebatikan dengan kuda?
Sebab kuda kalau saya tengok kan kita kalau *first time* [pertama kali] naik kuda
tu pun tak berapa nak ni. Kita ni pun tak biasa**

AJAH: Eh lambat. Lama juga, nak dekat setahun lebih jugak kot untuk dapatkan - -

**AHMN: Nak dapat sedap dia punya *riding* [menunggang] tu. Kira berapa tahun Encik
sempat membela kuda tu berapa tahun?**

AJAH: Enam (6) tahun lebih lah

AHMN: Oh, lama jugak. Mesti rasa sayang masa nak lepaskan tu eh

AJAH: Takpe lah, bila benda dah sayang

**AHMN: Benda pun kalau dah memang kita suka, sebatikan dengan kita pulak dia macam
berat hati lah nak lepaskan**

AJAH: Seronok lah, kita jadi macam *one of the* [salah satu daripada] one part of [satu
bahagian daripada] lah bila kita rasa

AHMN: Dulu kerap lah Encik pergi, tiap minggu

AJAH: Kitorang macam dah jadi takda apa apa

**AHMN: Oh, macam tu, seronok lah. Aktiviti wajib dalam seminggu tu (ketawa kecil)
Yelah, kuda kalau dah lama kita tak pergi takut dia**

AJAH: Tak boleh lah, dia kena selalu kerap dengan kita. Lagipun binatang ni dia lain,
kalau kita boleh *manage* [mengurus] kan dia, dia akan taat

AHMN: Tapi nak *manage* [mengurus] dia pun, kena lah kita macam kita layan orang kan. Kena baik-baik.

AJAH: Kene bersikologi dengan dia

AHMN: Ye betul-betul. Baik, kita pergi ke soalan seterusnya. Saya bacakan sikit nama ibu bapa encik Abdul Jalil (tergagap) apa Abdul Jalil (tergagap) Abdul Hamid dan ibu encik - -

AJAH: Abdul Hamid Bin Osman

AHMN: Abdul Hamid Bin Osman dan ibu encik Rafeah Binti Muhammad. So [Jadi] boleh ceritakan sikit keluarga ibu bapa encik lah, bekerja sebagai apa

AJAH: Ooo yelah, kami ni daripada keluarga nelayan asalnya. Arwah bapak saya walaupun dia bekas seorang guru waktu dulu dia guru Bahasa Melayu. Waktu tu zaman apa zaman Jepun lah _ Pasa dia melalui kehidupan zaman Jepun.

AHMN: Oh zaman, zaman dijajah lah

AJAH: Zaman dijajah, kemudian, bila dia kahwin dengan ibu saya dia pindah ke Johor [Malaysia] daripada Gelang Patah. Dia dia arwah ayah saya asalnya di Tanjung Radang, Gelang Patah dia kahwin dengan arwah mak saya, mak saya di Kuala Masai tu lah.

AHMN: Em em

AJAH: Kampung Kuala Masai, kemudian dia tinggal di situ dan bertugas sebagai guru Bahasa Melayu mengajar sekolah cina lah. Waktu tu, kat sekolah cina ni perkampungan apa tu cina _ _

AHMN: Di Johor [Malaysia] lah.

AJAH: Di Johor lah jugak, kemudian selepas tu dalam masa yang sama dia bekerja sebagai nelayan.

AHMN: Ohh (mengganguk)

AJAH: Dulu kan, mana ada kerja yang lengkap. Dulu pun berapa - -

AHMN: Oh yela, dulu gaji berapa, masa tu susah.

AJAH: *part time* [sambilan] je, Okey, dia jadi nelayan. Saya dibesarkan di kampung tu, kampung tu berdekatan dengan Singapore [Singapura].

AHMN: Ohh (mengganguk)

AJAH: Kami berperahu kalau berkayuh dalam satu jam lebih kurang lah kot

AHMN: Untuk ketengah laut?

AJAH: Selat (tergagap) selat Johor tu kan. Singapore [Singapura] dengan Masai dengan Pasir Gudang [Johor]. Haa itu *area* [kawasan] nya lah.

AHMN: Ohh

AJAH: Waktu itu tak ada enjin bot, kita kena berdayung kan.

AHMN: Kena berdayung

AJAH: Saya jadi antara anak dia yang megikut dia bekerja (ketawa kecil).

AHMN: Ohh selalu ikut ke laut lah untuk - -

AJAH: Daripada usia tiga (3) tahun memang ikut di laut lah, ikut jadi nelayan, belayar kolek kan, hantar kakak saya ke sekolah di pasir Gudang. Ulang-alik macam tu. Kami guna kolek belayar.

AHMN: Kolek?

AJAH: Kolek layar lah

AHMN: Dia macam perahu

AJAH: Haa, tu satu benda yang unik sikit lah

AHMN: Haa itulah, ini pertama kali saya dengar kolek layar.

AJAH: Kolek layar ni, dia kolek ni bagi orang melayu la, ni sampan melayu la

AHMN: Ohhh

AJAH: Kan. Selalunya orang bugis yang ada kolek ni.

AHMN: Dia sama besar macam sampan ataupun

AJAH: Dia sama macam sampan lah tapi dia besar sikit

AHMN: Ohh

AJAH: Bentuk dia pun lain daripada sampan biasa lah. Sampan riau lain, kolek lain.

AHMN: Ooh dia ada reka bentuk dia tersendiri lah

AJAH: Aaa, deda lain bedul lain (ketawa kecil)

AHMN: Ohhh

AJAH: Itu nama-nama perahu la

AHMN: Banyak

AJAH: Saya kadang-kadang, yelah tu salah satu daripada benda yang saya rasa kehilangan

AHMN: Ohhh

AJAH: Orang melayu ada kekayaan, benda-benda macam tapi kita tak pernah tunjuk

AHMN: Sebab encik cakap pun saya baru tahu ada kolek tu, sebab saya ingat semua tu sampan saja.

AJAH: Sampan saja

AHMN: Tapi ada macam-macam jenis

AJAH: Awak Johor di mana?

AHMN: Saya Batu Pahat

AJAH: Batu Pahat kat mana?

AHMN: Yong Peng

AJAH: Haa awak tengah lah

AHMN: Haa saya tengah-tengah lah, saya bukan tepi-tepi laut tu

AJAH: Kawasan yang tu tengah. Awak?

NSS: Saya Melaka

AJAH: Melaka kat mana?

NSS: Pantai Puteri

AJAH: Wah dekat la dengan laut

NSS: Haa aah

AHMN: Kira Encik boleh tanya lah dia

NSS: (ketawa kecil)

**AHMN: Tapi sekarang pun dah jarang orang guna sampan, biasa dia guna enjin kan.
Takda orang nak berdayung dah.**

AJAH: Itulah sebab saya kata, nilai-nilai pendidikan untuk orang kita mengingat semula hak kita ni tak ada.

AHMN: Betul lah tu

AJAH: Padahal apa salahnya, kau daripada kayak yang ada yang kau beli pada orang putih

AHMN: Emmm

AJAH: Daripada timur daripada eskimo tu ye kan

AHMN: Kita guna kita punya

AJAH: Apa salah buat. Kolek, ajar anak-anak belayar

AHMN: Sebab sama je cara kita guna tu sama saja

AJAH: Ilmu laut ni, orang-orang kita ni. Sebab itu kita disini kita panggil tanah air

AHMN: Emmm

AJAH: Bukan *land* [tanah] ye bukan macam Thailand, Thailand

AHMN & NSS : Haa

AJAH: Kita tanah air, kita ni namanya apa, tanah air

AHMN: Kita ada tanah kita ada kawasan air

AJAH: Ini yang sepatutnya kadang-kadang sayang kan

AHMN: Betul, banyak tradisi kita tu dah makin lama makin dipupuskan sebab dia - -

AJAH: Sebab tu saya suka pergi Terengganu [Malaysia], pergi Terengganu [Malaysia]
tengok ada orang masih belayar lagi kan

AHMN: Guna bot-bot

AJAH: Kadang-kadang saya tengok dia berkolek, ada kajang dalam dia punya sampan
dalam perahu dia. Saya kata ni Alhamdulillah cuma beberapa orang jelah.

AHMN: Cuma dia tak luaskan jelah

AJAH: Kalau itu diluaskan, saya rasa banyak peluang pun boleh buat. Dan kalau
saya sebut kajang, awak tahu apa itu kajang?

AHMN: Itulah, saya pun tak tahu jugak (ketawa kecil)

AJAH: Nordin Ahmad [Pelakon Malaysia] kata kajang pak malau kajang berlipat
(bunyi telefon) kajang hamba mengkuang layu. Korang tahu tak kajang
mengkuang apa? Mengkuang layu tu apa? Kajang berlipat tu apa. Tahu tak
awak? Taktahu

AHMN: Haa tak tahu. Apa maksud kajang pak malau tu?

AJAH: Kajang Pak malau ni kajang berlipat, kajang orang kaya. Kajang yang ada macam dalam perahu dulu. Dia takda pondok rumah besar

AHMN: Oh, dia macam ada berbumbung kajang tu. Oooo

AJAH: Dia letak bumbung tu pun kalau takda angin kan, dia pakai lah mengelak panas

AHMN: Ohhh

AJAH: Tapi kalau dia nak belayar dia boleh guna kajang tu untuk layar.

AHMN: Ohh

AJAH: Tu dia panggil layar pinak. Tapi orang tak tahu tu, kajang pak malau kajang berlipat. Kajang tu kira kajang mewah lah

AHMN: Kira dia boleh lipat bila berlayar kita boleh guna. Ooo maksudnya macam tu

AJAH: Dia buat daripada pandan, kajang hamba mengkuang kajang dia tu kajang orang miskin lah. Mengkuang tu

AHMN: Mengkuang tu

AJAH: Daun mengkuang tu kan tebal, dia keras. Kalau dia lipat dia patah

AHMN: Haa betul tu

AJAH: Yang tu beza dia. Subplot dalam tu awak boleh tengok betapa miskinnya yang ditunjukkan, betapa kaya yang dimuliakan.

AHMN: Dia ada maksud yang panjang disebalik pepatah tu.

AJAH: Bahasa kita macam tu.

AHMN: Bahasa kita dia bukannya tajam *direct* [terus] dia berkias. Itu yang sedap disebut, tapi itulah sebab orang sekarang dia kurang menggunakan, dia lebih suka guna kesat-kesat semua. Kadang itu mengecikkan hati orang yang terima

AJAH: Ini satu persoalan

AHMN: Melayu kan berbudi, menjaga hati perasaan pendengar semua tu

AJAH: Tapi kita tak - -

AHMN: Kita dah lupa tradisi-tradisi semua tu

AJAH: Betul. Antara benda-benda yang perlu diajar, bukan setakat menjaga je, dia memang menjadi hak kita. Sebab tu orang putih kalau kita buat filem handal mana nak tunjuk bersilat lah, berlompat lah apa kungfu lah apa, dia tak heran. Diorang ada je cerita-cerita tu boleh tengok bangsa lain kan tapi ada tak satu kumpulan kita tunjuk betul-betul keperibadian kita

AHMN : Betul

AJAH : Tak ada, kita pergi kan kita tengok, tak ada pun. Tak ada satu benda yang bahan yang boleh tunjuk pada dunia.

AHMN : Dunia luar tu apa yang kita bawak untuk dalam perfileman kita

AJAH : Tak ada

AHMN : Sebab kalau cerita orang putih dia ada cerita macam sejarah-sejarah dia kan dia ada kaji setiap ada maksud apa benda dia buat tu dia ada sebalik cerita dia ada kisah benar dia.

AJAH : Benda yang berkait rapat dengan kehidupan ni adalah budaya dia

AHMN : Ya betul

AJAH : Macam Iran, tengok filem Iran hanya sekadar perkara sepasang sepatu untuk anak jadi sebuah apa macam fenomena pulak. Dia satu dunia boleh lihat cerita tu . Kalau kamu tengok cerita tu - -

AHMN : Tapi tulah encik, cakap pasal sampan semua tu, saya teringat lakonan encik dalam bisik pada langit, *time* [masa] tu kan encik seorang nelayan. Memang seronok lah tengok, cara encik memang, memang berjiwa seorang ayah lah, ayah yang sayangkan pada anak-anak mereka.

AJAH : Sebab itulah saya kata kalau yelah dalam kaca berlakon ni

AHMN : Hmm

AJAH : Kadang-kadang orang ambik mudah saja (bunyi telefon) Sebenarnya kalau nak jadi ayah, ada berapa banyak ayah dalam dunia ni.

AHMN : Betul

AJAH : Berjuta ayah, tapi siapa ayah yang nak ditunjuk yang nak dipotretkan tu. Kan, itu yang kita kena - -

AHMN : Pandangan sisi mana yang kita nak tunjuk seorang ayah tu

AJAH : Ayah lah, ayah yang bagaimana. Kalau orang nak panggil, nak bagi awak berlakon jadi posmen, posmen apa? Bahagian apa kerja dia? Kan, kena itu semua benda kena.

AHMN : Kena *details* [lengkap] sebab kita dapat menjiwai watak itu

AJAH : Jadi kita tahu apa yang kita boleh buat

AHMN : Betul

AJAH : *Area* [kawasan] mana, lorat mana, asal mana. Itu semua benda-benda tu kena jadikan sama rata, watak tu ada *profile* [profil] dia la. Haa itu berlakon, okey kalau orang ambik berlakon sekadar berlakon jelah.

AHMN : Asal dapat *payment* [pembayaran] untuk *payment* [pembayaran] saja memang lepas dapat itu sajalah. Dia takda melekat kepada jiwa penonton.

AJAH : (ketawa kecil)

AHMN : Baik encik, banyak ni, seronok nak dengar pasal pengalaman encik. Kita habiskan dulu pasal latar belakang encik dulu *then* [kemudian] kita sambung

--

AJAH : Tadi yang cerita keluarga saya

AHMN : Haa

AJAH : Keluarga saya, kami daripada kaum nelayan, berpindah ke tanah rancangan felda. Waktu tu kerajaan bukak pada orang melayu kita dan orang-orang yang berminat untuk bekerja di kebun, ada ladang sendiri, bukan ladang lah ada kebun sendiri (bunyi telefon) dia dulu boleh mohon arwah ayah saya mohon dapat, dapat masuk rancangan _ _ felda cahaya baru. Waktu tu dipanggil LKTP Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Kami pindah di felda dan mula hidup sebagai petani. Daripada nelayan jadi petani, benda ni pun *transform* [mengubah] jadi masalah jugak walaupun arwah saya pernah bekerja, menoreh getah di kampung di kuala masai itu, tapi kerjanya lain lah sebab kerja di ladang waktu itu bekerja di kebun dengan gotong-royong dengan waktu bekerja yang memang dah ditetapkan Jadi benda itu mengubah cara hidup penduduk di felda dengan masyarakat yang ramai, 420 keluarga masa di kampung tak sampai pun 50 rumah tak sampai 100. Jadi kita kemesraan tu lain, ini jugak *transform* [mengubah] ini jugak mengubah banyak, lagi satu waktu itulah kami bergaul dengan, boleh dikatakan aaa hampir seluruh Malaysia punya orang lah ada daripada Kelantan

AHMN : Ohh berbagai negeri duduk sekali

AJAH : Sebab selama yang kami tinggal di kampung nelayan tu, kami tak pernah dengar orang cakap Kelantan [Malaysia].

AHMN : Haa kan

AJAH : Di Johor [Malaysia] mana ada kenal orang Kelantan, kita tak dapat dengar orang perak, orang Kedah, Perlis. Tiba-tiba di felda kita dengar satu orang.

NSS : Semua orang bercakap

AJAH : Kan lain, demo gini

NSS & AHMN : (ketawa kecil)

AJAH : Apa pulak ada demo pulak, mana ada demo kan

AHMN : (ketawa kecil)

AJAH : Ini jadi satu perubahan, bermula kan minda kita terbuka

AHMN : Kita bergaul dengan orang ramai, pelbagai

AJAH : Dan lagi satu, saya rasa disitulah saya dapat tengok tv kerap lah maknanya walaupun dibayar lima sen, nak tengok tv waktu tu kan

AHMN : Dia ada tempat ataupun ada rumah orang lain

AJAH : Ada rumah orang lain yang ada tv mungkin dia daripada kampung tu berada ataupun dia bekas bawah kerajaan. Dia ada peralatan tu walaupun guna bateri, waktu tu takda *line* [rangkaian]

AHMN : Haa ya takde elektrik.

AJAH : Takda elektrik *time* [masa] tu dia guna bateri dan saya melihat ini sebagai satu perkembangan lah pendidikan dan perkembangan banyak diri kita. Jadi dekat felda ini dah banyak pendidikan lah, bila dah duduk di situ dengan kawan-kawan yang ada untuk mengisi ruang, mengisi masa aaa inilah yang mula-mula sekali yang membuka minda saya untuk berbuat apa yang saya suka, itu maksud saya, di sanalah bermula saya walaupun dalam usia yang muda bila dapat tengok tv saya dapat tengok P Ramlee [Pelakon dan Penyanyi Malaysia], waktu tu saya dapat tengok AR Tompel [Pelakon Malaysia] antara mentor-mentor saya lah yang saya suka yang saya minat, antara orang-orang yang saya minati lah dan Mentor saya memang takda orang putih lah, melayu lah kan sebab saya suka lihat P Ramlee dalam bujang lapoknya, aaa AR Tompel sendiri kan kekayaan, gaya lakon dia dan mendengar lagu-lagu Nordin Ahmad. Walaupun Nordin Ahmad [Pelakon Malaysia] tak menyanyi suaranya tu adalah suara R Ismail kan. P Ramlee menyanyi menggunakan suara sendiri dan kebanyakan berlakon waktu itu *miming* [meniru] sahaja suara orang lain. Tapi itu dengan tak secara langsung mendedahkan pada saya, eh baguslah ni seronok jadi kan. Sampai kan kita bermain-main dekat sekolah, rupa-rupanya permainan berlakon-berlakon ni adalah satu bidang yang waktu saya pun tak tahu bidang seni ke apa ke kan, dan saya buat - -

AHMN : Kira itulah yang mendorong encik untuk menceburkan diri dalam bidang seni.

AJAH : Daripada situlah sampai kami kat kampung tu tubuhkan kumpulan belia, kan dulu belia lah. Kumpulan belia ni konon-kononya ada kebetulan di kampung itu ada pemuzik-pemuzik. Kalau dah ramai macam tu kan, ada yang boleh main muzik, akhirnya terbentuklah satu kumpulan belia yang ada boleh main muzik, buat tarian, kami buat majlis bila ada perayaan - -

AHMN : Ada, kira ada persembahan

AJAH : Ya, ada persembahan. Waktu dulu kan ada orang panggil zam - - apa musim safar dulu lah walaupun benda tu syirik kan kita tak tahu tu syirik. Bulan safar ni bulan pesta lah kononnya, buat makan-makan ramai-ramai duduk berkumpul. Kat kampung lah kan untuk mengisi kekosongan sebenarnya.

AHMN : Tapi dia macam satu aktiviti yang boleh ramai-ramai berkumpul

AJAH : Aktiviti ramai-ramai berkumpul

AHMN : Dia macam seronok lah, meriah lah

AJAH : Seronok kan pulak zaman tu kan ada *funfair* [pesta ria] kan.. zaman *funfair* [pesta ria] - - ni kadang-kadang pun bagus jugak, dia panggil kita buat persembahan. Ada lah peluang, bermula dari situ saya mendekatkan diri betul-betul diri dalam bidang seni ni.

AHMN : Kita simpan dulu untuk lebih lanjut benda tu. Boleh encik ceritakan sedikit latar belakang pendidikan encik secara ringkas bersekolah di mana.

AJAH : Okey, saya bersekolah di sekolah rendah lah, sekolah rendah di felda tu, bila masuk sekolah menengah di Masai sebenarnya. Waktu sekolah menengah Masai, nama asalnya sekolah penggawa hijau timur

AHMN : Hmm

AJAH : Nama sekarang dia lah, nama sekarang sekolah menengah penggawa timur. Masai, johor. Nama baru dial ah dulu sekolah menengah masai samapai ke tingkatan lima di situ walaupun say amula-mula masa tingkatan empat tu dipilih masuk ke sekolah sains tapi takda keupayaan saya nak belajar di sains lah, saya tak berminat saya lari daripada asrama balik sekolah masai balik

AHMN : Sekolah penggawa timur tu lah

AJAH : 1974 saya tingkatan lima, waktu tu nak belajar ni satu perkara yang kata orang kalau takda duit

AHMN : Tak mampu

AJAH : Tak mampu, kena *survive* [sara diri] lah, kena kerja

AHMN : Kerja lah pilihan terakhir, kerja lah kan

AJAH : Akhirnya saya dapat bekerja buat kerja-kerja *part time* [sambilan] kerja mana-mana lah kerja kontrak ke buruh ke

AHMN : Hmmm

AJAH : Dalam masa itu saya ni aktif, saya mula aktif yelah daripada sekolah dulu dah aktif saya aktif dengan persatuan belia, kemudian saya aktif dengan waktu tu ada macam pertandingan tau, di johor ni ada satu pertandingan, pertandingan teater ni bukan teater, waktu tu pertandingan drama, drama dan tarian. Jadi mana yang aktif ni, kita aktif akhirnya terdedah kepada kursus-kursus kecik oleh jabatan kebudayaan

AHMN : Untuk ni lah untuk lebih mendalami

AJAH : Untuk mendalami bidang tu, jadi saya *apply* [memohon] mintak berusaha sungguh nak dapat tu. Jadi daripada situ, kebetulan saya dapat ikut bila saya dapat, ikuti tu saya aktif ada lah orang kenal, beri peluang bekerja di Pelabuhan Johor.

AHMN : Ohh

AJAH : Jadi tahun 1976 saya mula bekerja di Pelabuhan Johor, waktu tu pelabuhan baru buat.

AHMN : Yang mana, tanjong pelepas ataupun

AJAH : Tak tak, Pasir Gudang

AHMN : Ohh Tanjong Pelepas tu baru eh

AJAH : Baru, tu Pelabuhan kedua. waktu tujuh puluh enam saya bertugas di Lembaga, waktu tu di Lembaga Pelabuhan johor dan di Pelabuhan ni kebetulan ramai dia punya - - semua melayu, kan kitorang aktif

AHMN : Hmmm

AJAH : Aktif berpesatuan, ada persatuan penulis lah, ada persatuan macam-macam lah pasal lembaga ni Lembaga Pelabuhan ni dia beri peluang kepada kakitangan untuk ada kelab sukan sendiri kat kelab kebudayaan. Alhamdulillah lah, waktu tu jugak saya berpeluang untuk mengembangkan bakat saya saya aktif di johor bahru dan menubuhkan taman seni budaya johor. Di, waktu tu TSBJ ni kalau awak tahu lah bandar johor bahru tu, kat street view hotel, street view hotel ni dekat tepi laut lah, dia dekat sederet dengan hospital semua kan. Tapi street view hotel ni kat atas bukit sikit, ada satu bangunan lama bangunan kami diberikan ruang kat situ. Saya berkarya di situ saya aktif di johor, kami kerap lah ke Singapura waktu tu dapat buat persembahan sebagai wakil johor [Malaysia].

AHMN : Tapi masih bekerja dengan pelabuhan ataupun

AJAH : Kerja dengan Pelabuhan, itulah bagusnya pulak jabatan kerajaan ni, dia beri peluang pada kakitangan dia. Macam kalau ada program besar-besar mewakili negara negeri dia akan beri cuti tanpa gaji eh cuti tanpa rekod. Maknanya kau kerja buat kerja tu

AHMN : Tapi masih

AJAH : Tapi masih cuti bergaji lah. Itulah istimewanya, jadi saya daripada situ, saya aktif. Di johor bahru tubuhkan group teater tanjong puteri mewakili di johor ke peringkat kebangsaan di kuala lumpur, berulang macam tu lah

AHMN : Ohh

AJAH : Waktu itu, kita semua orang teater lah orang drama ni akrab sebab kita ada pertemuan ada apa ni

AHMN : Ada berkolaborasi

AJAH : Haa berkolaborasi kadang-kadang, pertukaran negeri kan. Saya di Johor [Malaysia] bertukar dengan group negeri Kelantan buat rombongan buat persembahan ke sana, orang sana datang ke sini, pertukaran macam tu, itu yang mengembangkan budaya lah sebenarnya.

AHMN : Ohh betul

AJAH : Sistem itu saya rasa, dia lebih baik

AHMN : Kira kita daripada johor bawak adat johor ke sana, orang Kelantan bawak adat daripada sana untuk orang johor

AJAH: Jadi kita dapat tengok masa dia datang, dia datang dengan tukang masaknye, apa rombongan dia, jadi kita kenal makanan yang dia buat kat sini kan. Jadi terdedah lah, kita dedahkan untuk - -. Jadi ini saya rasa satu pembelajaran, sistem pembelajaran yang baik

AHMN : Betul

AJAH : Jadi akhirnya kami waktu tu aktif sehinggalah saya diberi peluang untuk mengikuti kursus teater dan lakonan di USM Pulau Pinang. Waktu itu the *first* [pertama] program teater dibuat di sana.

AHMN : Ohhh

AJAH : Sebagai satu format baru, sebagai satu silibus, kajian silibus waktu itu yang dia nak buat

AHMN : Waktu itu encik umur berapa? Waktu ditawarkan untuk sambung belajar tu

AJAH : Tahun lapan puluh - - berapa umur saya, dua puluh lebih lah. Tahun tujuh puluh lapan tahun tujuh puluh sembilan - - sehingga lapan puluh kurang setahun

AHMN : Itu dia macam diploma

AJAH : Kursus

AHMN : Ohh kursus sahaja

AJAH : Kursus sahaja

AHMN : Untuk sijil

AJAH : Untuk sijil - - saya takda peluang lah untuk apa buat *degree* [ijazah] ke

AHMN : Tapi pengalaman

AJAH : Haa pengalaman tu, tapi selepas tu saya nak sambung, cuma waktu tu kewangan la pulak, nak berulang alik daripada johor ke saya cuba juga buat setengah semester

AHMN : (ketawa kecil)

AJAH : Setengah sem la macam setengah tahun, yang mampu saya buat lah. Dengan apa cara pun saya buat la naik keta api tipu ke apa, rupanya tak berkat la

AHMN : Tapi waktu tu masih bekerja dekat pelabuhan ulang-alik

AJAH : Kerja Pelabuan. kadang-kadang kita nak pergi kuliah kita cuba jugalah kuliah hujung minggu kan, pakat dengan prof dengan _ tapi saya alhamdulillah jumpa orang yang professor-professor yang baik lah yang apa tenaga pengajar yang apa orang kata yang ikhlas.

AHMN : Ya betul

AJAH : Saya berterima kasih kepada Doktor Zainal Latif, Dr Zainal Latif tu antara orang yang membukak banyak minda saya pada bidang lakonan. Macam dr daus nasarudin dr hasan mat salch antara orang yang banyak memberi pendedahan pada saya lah. Yang boleh menerima apa saya yang cuba buat di dalam

AHMN : Mendorong lebih untuk lebih memperkembangkan lagi dalam bidang

AJAH : Berkembang lagi lah dalam bidang. Alhamdulillah, akhirnya kami menjadi kawan, bila saya diberi peluang bertugas di ITM Shah Alam tahun lapan puluh empat (84)

AHMN : Waktu tu cik dah tak kerja dekat pelabuhan dah

AJAH : Takda, waktu saya letak jawatan sana, dan jawatan saya sebagai kakitangan kerajaan disambung di

AHMN : Ohh di *transfer* [pemindahan] kat ITM pulak

AJAH : Ya di ITM, saya masuk unit kebudayaan. Saya bertugas kat sini lah sampai tahun sembilan puluh. Kira waktu tu gaji pun, kata orang tua bila kita dah berumah tangga dah ada anak kan, saya waktu tu ada sorang anak, anak saya yang sulung tu dia jadi anak istimewa yang perlu intensif, latihan intensif dalam perubatan . Jadi saya perlukan duit banyak. Kebetulan memang lah saya aktif, bila saya berpindah sahaja ke Kuala Lumpur [Malaysia] ni, kawan-kawan di sini memang menunggu

AHMN : Kehadiran cik

AJAH : Sebab sebelum tu kan macam saya aktif di Johor Bahru [Malaysia]. Johor antara mentor pergerakan kesenian di seluruh Malaysia sebab kami format kami macam taman seni budaya yang kami buat diambik oleh kerajaan negeri perak diambik oleh menteri Perak, Selangor, diambik oleh sarawak, dikekalkan sampai sekarang negeri sarawak je kan, Taman Seni Budaya Sarawak. Jadi alhamdulillah, benda-benda macam tu walaupun di Johor dah takda dah sampai sini je. Johor ni pulak satu masalah dia tulah, dia tak menjaga benda-benda

AHMN : Sebab dia tak menjagakan, tu yang lama-lama jadi makin pudar

AJAH : Dia tengok pada orang yang buat, ada orang dia bentuk yang lain pulak, dia tubuh yang lain dia nak dia punya nama

AHMN : Aah

AJAH : Sedangkan orang yang dah berjuang sebelum tu ditolak tepi lah

AHMN : Tapi kadang ada jugak dia ambik idea yang sama cuma dia olah

AJAH : Sama lah tu yayasan warisan tu adalah

AHMN : Taman seni

AJAH : Adalah dulu kan (tergelak) ada pada taman seni punya idea, tu yang saya rasa macam eh eh

AHMN : Sebab dia nak nama tu dia

AJAH : Haa, benda-benda macam ni tak belum hilang. Tak peduli pun persoalan tu semua biarlah asalkan benda tu bergerak

AHMN : Warisan kita tu dijaga sentiasa ada tak dilupakan

AJAH : Saya rasa seronok lah dulu kan pasal ada itu antara yang saya lalui bila saya sampai ke kuala lumpur ni dapat peluang untuk rapat dengan tu yang saya kata tadi lah Termimi Siregar, dia ada di kementerian, kemudian saya dipanggil oleh Rahim Razali untuk berlakon teater uda dan dara

AHMN : Ohh ya, saya ada baca pasal tu

AJAH : Itu yang dia panggil saya susah payah cari saya, kesian

AHMN : Kira artis veteran ni kebanyakan dahulu dia kakitangan kerajaan lah sebelum

AJAH : Ada yang - - banyak maknanya yang dekat lah yang ada ruang dah peluang

AHMN : Kira mereka bukan bermula dengan terus jadi pelakon

AJAH : Tak

AHMN : Tapi berminat dalam seni budaya

AJAH : Dia memang minat bidang seni dan budaya - - menari kebudayaan dulu penari kebudayaan ni digunakan macam untuk *delegate* [perwakilan] kita ke luar negara kan untuk buat persembahan di London lah apa lah

AHMN : Delegasi kita lah ke sana, persembahan

AJAH : Persembahan - - jadi dari situ diorang berpeluang untung lah kan, itu bezanya. Jadi saya mula *involve* [terlibat] dengan panggung negara waktu itu. Panggung negara ni dibuat oleh Cik Sufian Mukhri, dia Menteri kompleks budaya negara berusaha dia untuk menubuhkan panggung negara yang ada yang sekarang ni istana budaya ni hasil daripada kerja-kerja ni lah dan lahirnya aswara daripada kerja yang kami ada, yang kami buat tu dulu banyak usaha untuk mencari silibus

untuk mengisi, akhirnya jadi yang ada sekarang ni. Alhamdulillah, itu yang kita rasa setidak-tidaknya orang walaupun tak tahu kan saya rasa macam saya tahu saya ada menumpang menempel di situ

AHMN : Adalah sedikit sumbangan kepada seni budaya

AJAH : Dan waktu tu teater mula dikembangkan diperbesarkan supaya diketahui oleh umum ramai.

AHMN : Waktu tu pawagam tak sangat jadi, mula dengan teater

AJAH : Yalah pawagam saya tak - - waktu itu sampailah saya diberikan peluang berlakon sikit-sikit di RTM kan waktu tu kan bila kita main teater orang datang tengok “ dia ni boleh berlakon lah” RTM punya orang pun datang. “Nak berlakon tak? Walaupun kita kaki tangan kerajaan. Buat lah sikit-sikit sampailah saya diberi apa tawaran oleh TV 3 untuk drama yang ketiga dia, tajuk dia Harimau-harimau.

AHMN : Harimau-harimau

AJAH : Haa, dia buat macam telemovie lah senang sekarang ni kan, Arman Salleh, dia pengarahnya, waktu tu Arman baru balik daripada Hollywood dia belajar sana dan mengarahkan drama tu untuk TV 3 karya shahnul ahmad daripada novel rentung, saya ingat sangat. Saya dipanggil audition waktu tu audition kira bergegar jugak lah rasa kan, mak oi aku dipanggil audition, banggalah

AHMN : Mereka yang panggil encik untuk datang ujibakat

AJAH : Waktu tu saya sedang bermain teater, saya buat bersama dengan cikgu Norlin Hasan tajuk dia Anak Tanjung, teater Anak Tanjung dibuat di panggung bandaraya Kuala Lumpur [Malaysia] lah kan, diorang datang tengok kata “Awak datang *audition* [ujibakat] boleh?” boleh pastu pergilah, akhirnya saya terpilih berlakon bersama dengan arwah Mahmud Jun, arwah Yusuf Ahmad, arwah Ahmad B arwah Bakar Umar antara orang-orang yang arwah saya rasa besarnya orang ni kan.

AHMN : Peluang untuk berkarya dengan lagi berpengalaman

AJAH : Orang yang saya *respect* [hormat] sekali ialah Mahmud Jun lah waktu tu, Pak Mahmud Jun, mula daripada situ saya dah baik dengan dia saya mula mendekati dia sampai saya panggil dia Bak eh

AHMN : Kira rapat lah

AJAH : Sampai saya buat lagu ayam saya video klip tu dia suruh pakai ayam dia

AHMN & NSS : (ketawa kecil)

AJAH : Kami *shooting* [penggambaran] di selangor kan, dia cakap “Lil, kau nak pakai ayam aku, pakai le galak tu, lepas habis *shooting* [penggambaran] 10 hari ayam tu mati.

AHMN: (ketawa kecil)

AJAH : Kena lampu waktu tu shooting [penggambaran] kan pakai lampu kan, itu yang saya *unpredictable* [tidak dapat diramalkan]. Kami *shooting* [penggambaran]sebulan lebih di rembau [Negeri Sembilan] dengan arwah Pak Mahmud tu, jadi kat situlah kami rapat dan itu antara sejarah mula saya memegang peranan utama dalam drama dan lepastu Habsyem melihat saya sebagai pelawak pulak. Dia bawa saya dalam *two plus one* [dua dalam satu].

AHMN : Two plus one tu rancangan televisyen

AJAH : Dia sitkom

AHMN: Ohh sitkom

AJAH: Waktu itu yang berluma dengan dia macam Pi Mai Pi Mai, kami daripada satu studio lah, sinematik kan Pi Mai Pi Mai waktu tu SYYY dia panggil, dia punya tajuk tu atas Arzad Khan punya skrip, kemudian berkembang lah sampai saya berlakon dalam filem Driving School

AHMN : Haa Driving School

AJAH : Antara filem-filem tu, jadi waktu dalam satu suasana yang semasa itu sampailah saya diberikan peranan dalam sebuah filem Jepun, yang dibuat di Malaysia ni - - tajuk dia dan saya diberikan peluang untuk berlakon jadi antara peranan ada peranan lah, ada nampak peranan besar

AHMN : Antara pelakon-pelakon yang utama

AJAH : Ya utama, pemegang utama juga lah - - sebab jadi jahat lah

AHMN : (ketawa kecil)

AJAH : Okey, saya daripada situ saya mula berhenti kerja. Saya ambik langkah untuk berhenti kerja, saya nekad sebab nak cari duit untuk merawat anak

AHMN : Waktu tu bayaran lakonan lagi tinggi lah daripada kerja

AJAH : Ya, waktu sampai saya berjanji, kalau aku dapat bayaran ini boleh menampung kehidupan aku selama dua (2) tahun - - atau tiga (3) tahun aku akan berhentilah kerja. Contohnya gaji saya ni waktu kebudayaan tu dalam seribu lapan ratus, seribu enam ratus. Tapi bila dapat *offer* [tawaran] tu saya dah kira-kira satu bulan dapat gaji empat ribu setengah. Jadi rasanya

NSS : Bila fikir balik, lagi berbaloi

AJAH : Lebih berbaloi la, jadi saya cakap takpe “ aku ambik cuti tanpa gaji enam bulan dulu buat cuti ni apa-apa hal lepastu berhenti lah. Saya nekad begitu alhamdulillah rupanya sistem bekerja dengan orang Jepun, sistem kerja dengan orang luar ni lebih mulia. Dia memuliakan kerja kita, kita yang bekerja ni kan diberikan penghormatan, bukan penghormatan sangat lah

AHMN : Dia menjaga kebajikan

AJAH : Dia menjaga kebajikan kita, sampaikan awak luka pun dia suruh rehat. Luka sikit pun suruh rehat, bawa ke hospital, bawa doktor datang rawat luka waktu tu kami *shooting* [penggambaran] di Langkawi. Demam kerana berhujan kat luar shooting dia bawa doktor datang kat bilik kita, sampai macam gitu. Jadi macam saya rasa, oh lagi satu akta waktu Jepun

AHMN: Dia menjaga masa

AJAH : *Seven o'clock in the morning* [7 pagi], okey lagi dua minit dia dah ada tunggu dekat. Depan, dengan kereta dekat luar ambik kita, Saya sepanjang berlakon dekat Malaysia ni nak jumpa - - pun tak pernah. Naik kereta pemancar pun tak ada, production hantar kita

AHMN : Kena pergi sendiri

AJAH : Kita pergi sendiri, naik motor, Artis konon

NSS : Berbeza

AJAH : Ya berbeza lah, jadi inilah yang mengajar saya banyak perkara

AHMN : Kira waktu tu, siapa lagi pelakon Malaysia yang bersama dengan encik untuk berlakon dalam cerita Jepun tu

AJAH : Darmah, tahu darma? Haa nama dia Darna

NSS : Darna?

AHMN : Saya tak kenal pulak

NSS : Sekarang pun dia masih berlakon lagi?

AJAH : Dia tak berlakon dah, dia dengan Habsyam dulu. Cerita yang popular tu apa ha.
Cerita kolej tu. Haa search darma

AHMN : Ohh dah ada da Darna - - rasanya macam dia tak berlakon dah sekarang

AJAH : Dia tak berlakon dah, Darna lepastu yang kuswadinata

NSS : Tu yang bersama-sama lah ketika tu

AJAH: Yang bersama-sama ketika tu. Ramai lagi lah pelakom-pelakon yang lain. Saya jadi *asistant* [pembantu] pada dalam drama waktu tu dia hero lah, kan dia hero dalam filem malaya kita kat sini, Saya berlakon jadi orang jahat *support* [sokong] dia lah dalam cerita Jepun tu

AHMN : Ohh ya, salah satu cerita yang saya pernah tengok Adik Manja ni lah

AJAH : Tulah dia, hero adik manja. Darna tu lah, dia tinggi orangnya

AHMN : Ooo, tapi kalau tengok pada ni tahun 2012 tu dah dia dah *start* [mula] mengarah, menulis lepastu dia dah start aktif dalam lakonan lah

AJAH : Jadi saya, benda-benda yang macam tu dah mulakan saya banyak involve [melibatkan] dengan persembahan-persembahan. Waktu tu saya belum kahwin saya dapat anugerah tahun sembilan belas sembilan puluh satu (1991), sembilan puluh dua (92) eh, Berita Harian

AHMN: Haa

AJAH: Anugerah berita harian tu, sebagai pelakon komedi popular lah, tiba-tiba datang seorang komposer, Azmeer dia *approach* [mendekatkan] saya untuk buat album, saya kelakar lah. Saya rasa kelakar, apa pulak aku menyanyi kan, kalau kita *handsome* [kacak] takpe, kita tak handsome [kacak]

NSS : Tapi ada bakat (senyum)

AJAH : Dulu penyanyi mesti *handsome* [kacak] - tengok Rahim Maarof [Penyanyi Malaysia], orang yang mana pecah rumah ni rupa

AHMN : (tergelak)

NSS : Sekarang *handsome* [kacak]

AJAH : pecah rumah je duduk tepi lah kan, orang bayar lima ratus ringgit jelah untuk *show* [pertunjukan], kelakar lah . Jadi saya buat tapi saya bagi syarat pada Azmer, kalau saya nak buat lagu, saya nak kena buat sendiri dia punya word, wording lagu kan muzik tu kena sama-sama together [bersama] Azmer kata *okay no problem* [okey tiada masalah]

AHMN : Kira lagu - -

AJAH : Azmeer Azmeer baru dapat doktor ni

AHMN & NSS : Ohh

AJAH : Dia pon dah ambik dia punya ____ Sekarang dia ada - -

AHMN : Kira semua lagu encik aaa ni lah

AJAH : Azmeer (sambil menggangguk)

AHMN : So, ayam, raya

AJAH : Makan

AHMN : Mata

AJAH : Aaa ya.

NSS : Baiklah encik, boleh soalan seterusnya. Saya nak tanya pada pendapat encik sendiri la kan, ada tak perbezaan antara artis dahulu dengan sekarang?

AJAH : Perbezaan ni banyak sebenarnya. Sekarang ni orang jadi artis senang je.

AHMN & NSS : Hmm (mengangguk bersetuju)

NSS : Aah kalau *famous* [terkenal]

AJAH : Sebab dia boleh buat dia boleh *create* [cipta] peminat.

AHMN : Betul. Pengikut dia

AJAH : Pengikut, apa *follower* [pengikut]

AHMN : Ya.

NSS : Kalau dari segi kualiti sendiri la. Pendapat encik?

AHMN : Berdasarkan penilaian encik. Macam mana lakonan artis sekarang dengan dahulu?

AJAH : Sekarang ni, dia dapat pendedahan yang luas. Terlalu luas sampai dia tak tau akar dia. Faham maksud saya? Okay, dia dapat tengok macam-macam lakonan. Mana nak *Europe* (Eropah)? Sekarang ni popular Korea. *Style-style* (gaya) Korea.

AHMN : Dia belajar daripada pnglihatan bukan daripada apa yang dia lihat.

AJAH : Sebenarnya lakon ni lahir daripada *what you feel* (apa yang awak rasa). *What you-* - (apa yang awak - -) Kamu boleh meyakinkan orang sekeliling kita ni dengan rasa kita kan. Tu yang pentingnya, jadi bagi yang sekarang beza dia kerana dia mengambil cara yang terlalu terbuka maknanya.

AHMN : Dia ambik yang tu sikit sana sikit.

AJAH : Ya, dia begitu sahaja. Tapi kalau kita tanya asasnya, dia kena belajar balik la, dia kena melihat balik. Itu yang sebenarnya, tu beza nya lah. Lagi satu (1), sekarang ni, pelakon-pelakon yang baru ni beruntung kerana mereka diberikan wajah yang dan terpilih untuk masuk bidang dan akhirnya mereka dapat ruang dalam iklan, produk.

AHMN : Wajah mereka tu dia boleh buat duit

AJAH : Buat duit dan kehidupan mereka lebih mewah.

AHMN & NSS : (menggangguk)

AJAH : Sebab kami dulu seksa. Nak melalui kehidupan sampai kadang-kadang kalau awak ada kesempatan tengok pelakon-pelakon lama ni hanya melalui kehidupan cukup guna sahaja. Kadang-kadang tak cukup pon ada. Ada yang, yela puasa, dapat bantuan daripada orang.

NSS : Betul.

AHMN : Berbeza la

AJAH : Berbeza la dengan kalau kita tengok artis-artis yang muda, baru masuk dah dapat Mercedes.

AHMN : Betul.

AJAH : Dah ada peminat lapan puluh enam (86) juta.

AHMN : Bayaran mereka pon berbeza la. Dahulu bayar berapa, sekarang bayar berapa.

AJAH : Itu yang, sampaikan ye kita lalui keadaan tu, saya pon. Walaupun dah lama berlakon kononya diberikan anugerah macam-macam. Tiba-tiba kalua kita

terdengar berita dapat tahu bahawa pelakon muda dapat bayaran tiga (3) kali ganda daripada kita. Apa jadi.

AHMN : Rasa kita ni tak dihargai.

AJAH : Takde harga.

AHMN : Betul.

AJAH : Jadi, di situ jugak kadang-kadang sampai kalau tak ya ya, memang mengundur diri la. Kerana rasa sakit hati.

AHMN : Rasa macam kita pon

AJAH : Takde harga

AHMN : Betul, kita tak dihargai, bakat kita macam tak dihargai.

AJAH: Tak dipandang benda-benda macam itu. Yelah, dulu arwah bapak saya pernah cakap, Jalil orang seni ni kalau betul-betul jadi orang seni dia kata seni tu halus. Kehalusan tu bukan sama dengan yang lain-lain. Kadang-kadang kita akan tercabar dengan kehalusan. Kalau kita tahan, mungkin kita boleh. Tapi kalau kita tak tahan dia kata dia akan korbakan banyak perkara. Jadi saya bila ingat macam tu betul juga arwah abah saya kata, kerja seni ni memang tapi kalau kita mementingkan seninya kalau kita mementingkan lain, mungkin kita hanyut.

AHMN : Kalau kita mementingkan bayaran, utamakan bayaran dahulu daripada hasil kerja kita.

AJAH : Satu contoh senang jela, dia ambik satu contoh Jalil, kebanyakan orang seni ni dibela oleh orang. Saya tak faham apa bela waktu itu, kan. Orang bela kau. Kalau kau lelaki dibela oleh perempuan-perempuan yang kaya. Kalau kau seorang perempuan, kau akan dapat datuk-datuk, orang kaya yang akan bela kau. Ohhh, baru saya faham. Kalau kau nak hidup senang. Saya terfikir, betul juga. Bila saya lalui kehidupan ini, sampai satu (1) tahap orang macam nak beli kita, saya rasa ooo macam ni la patutla ada pelakon-pelakon yang jadi nak hidup senang. (tersenyum) jadi saya rasa, rupa-rupanya pesanan itu betul, pesanan seni yang disebut itu.

AHMN : Mungkin tak berguna waktu itu tapi setelah kita menceburkan diri baru kita nampak.

AJAH : Saya dah lalui baru saya Nampak. Bila saya bila dah jadi penyanyi, kan (tersenyum). Saya menyanyi bidang tu orang panggil. Jumpa mak datin mak datin baju jarang

AHMN & NSS : (ketawa kecil)

AJAH : Jadi situ je saya da mula aaaa ini dia, arwah abah cakap ini dia ini betul-betul, kalau kita tak fikirkan tentang seni yang kita pegang ini. Seni ni kerja yang diberi oleh Allah, anugerah Allah kepada kita kalau kita tak jaga rupanya ini jadinya haa tula. Tulah yang jadi pada kalau boleh janganlah jadi pada anak-anak kita dalam bidang ini.

AHMN : Bila dah masuk dalam bidang ni kena pandai bawa diri lah.

AJAH : Ya. Bawa diri

AHMN : Tahu niat kita nak masuk dalam ini untuk apa.

AJAH : Kesediaan diri kita pun kena ada. Kesediaan untuk masuk bidang ni kena ada.
Didikan agama, didikan tu kena sebenarnya kena kuat. Cabaran dia memang
(tersenyum)

**AHMN : Saya ni yang bukan orang seni pun kita tak tahu macam mana kan, tapi orang
yang lalui je dia tahu apa cabaran yang ada dalam bidang itu.**

AJAH : Saya cakap terus terang, memang dia punya yang datang goda kita ni jeneral-
jeneral iblis

AHMN & NSS : (ketawa kecil)

AJAH : Iya. Mungkin orang-orang biasa ni kan biasa jela, tahap syaitan. {ketawa}

AHMN : Ini yang bos-bos pula datang.

AJAH : Kepala dia rupanya datang. Untuk err tu. Itu memang betulla, saya akui. Bila
antara ustaz-ustaz yang kami pernah ikuti kelas-kelas dia. Dia kata, demo ni
kejo seni ni dia punyo dugaey. Arwah dah Tok Kayo.

AHMN : Baiklah encik, encik tadi ada cakap encik ada pergi ujibakat untuk lakonan, teater, umm boleh saya tahu lebih mendalam lah, macam encik cakap TV3 panggil untuk *interview* (ujibakat)

AJAH : *Audition* (ujibakat) la

AHMN : Ya *audtition* (ujibakat) waktu itu, siapa yang menjadi juri. Adakah pihak produksi?

AJAH: Waktu itu macam dia punya *audtition* (ujibakat) oleh *director* (pengarah). *Director* (pengarah) sendiri Arman Salleh tu *is a director* (ialah pengarah) dia yang tengok sendiri dia nak pilih. Kemudian unit drama TV3. Waktu itu memang orang kuat-kuat lah dalam teater dalam drama ni dalam seni lakon macam Allahyarhamah Rohani Yusuf. Kemudian... Allahuakbar, Syed... Pak Syed apa nama dia Astaghfirullahaladzim lupa saya nama. Dia memang orang yang bidang ini, bidang seni lakon seni penulisan aaa tu antara orang macam Arman Salleh sendiri, Salleh Ben Joned. Waktu itu memang orang

AHMN : *Interview* (ujibakat) itu dibuat dekat studio TV3 lah.

AJAH : Ya, studio TV3.

AHMN : Yang sekarang atau dulu tempat lain?

AJAH : Di tempat lain, di Bangsar [Kuala Lumpur].

AHMN : Ohh.

AJAH : TV3 mula-mula sekali.

AHMN : Ohh. Tahun berapa agaknya.

AJAH : Lapan puluh enam (86). Rasa-rasa tahun lapan puluh enam (86). Saya tak dapat nak ingat semua.

AHMN : Boleh ceritakan sikit macam mana hari ujibakat itu, sebab encik ada kata tadi ada Allahyarham [Mahmud June] ramai-ramai lagi.

AJAH : Dia dah ada kat situ. Dia pemerhati lah. Bakar Omar ada tapi Bakar Omar saya pernah berlakon dengan dia dalam drama RTM dan main teater dengan dia.

AHMN : Dah kenal.

AJAH : Jadi dia kenal saya tak hairan lah kan. Tapi arwah Pak Mahmood dengan keadaan dia yang sakit waktu tu semput, dia datang juga. Saya pon macam tak pernah menyangka lah orang bagi skrip terus saya tengok, waktu tu kita ada waktu *fresh* (segar) lagi la dalam belajar baru habis daripada USM.

AHMN : Kira banyak yang nak diluahkan itu banyak nak diekspresikan.

AJAH: Berulang-alik kelas di USM secara kata orang itu sendirian, *personel* (bersendiri) itu Doktor Zainol Latif. Saya sebenarnya belajar bukan melalui saluran universiti. Saya belajar melalui

AHMN : Secara *direct* (terus) dengan tenaga pengajar itu.

AJAH : Dia jadi guru saya. Waktu itu dia ada, dia pun pergi ke Holland waktu itu buat dia punya PhD. Saya, bila dia balik saya pun pergi jumpa dia ah. Waktu itu segala *method* (cara) memang penuh lah kan. Sampaikan saya jadi bahan *audtition* (ujibakat) tiap-tiap hari pulak, untuk *audtition* (ujibakat) orang lain. Sampai saya tak tahu saya dapat ke tidak. Saya dipanggil eh kau datang esok.

AHMN : Nak tengok macam mana encik akan eksprasikan skrip itu, nak tengok lain boleh tak buat macam itu.

AJAH : Haa dengan orang lain. Lepas itu, apa pulak aku ni hari-harikenapa panggil. Sampaikan nak *audtition* (ujibakat) itu antara orang yang di *audtition* (ujibakat) waktu itu Ogy Ahmad Daud untuk jadi adik kepada si Maun itu. Aaa apa bin Jalil tu apa. Yang macam - - Astaghfirullahaladzim nama pelakon kawan-kawan pun tak ingat dah. Liza Abdullah.

AHMN : Ooo Liza Abdullah pun ada *interview* (ujibakat) juga.

AJAH : Ogy Ahmad Daud [Penyanyi dan Pelakon Malaysia]. Antara *star-star* (bintang) waktu itu. Apa Jalil, binti Jalil itu.

NSS : Rohana Jalil?

AJAH : Bukan, yang putih-putih dulu. Ya Allah. Driving School dengan saya dia berlakon dengan saya. Astaghfirullahaladzim. Isteri kepada Megat Joned.

AHMN : Ziela Jalil?

AJAH : Zie Astaghfirullahaladzim. Ziela Ziela Jalil [Pelakon Malaysia] datang *audtition* [ujibakat]. Sampai saya cakap dengan *director* (pengarah). *Sorry*la (maaf) diorang ni tak layak. Wah handal saya. Saya terlepas cakap. Diorang ni tak layak sebab dia bukan *look* (nampak) kampung. Saya kata cerita ini yang betulnya memang *look* (nampak) orang kampung betul. Perempuan ini si Mek ini budak kampung yang naif. Wuh sampai dia tengok muka saya pandainya kau nak menggagak orang tu. Saya dah rasa kau tak dapat ni. Tapi Pak Mahmood, dia tengok je. Sampai dia *approach* [menghampiri] saya, dia kata kau jadi anak lah. Rupanya betul.

AHMN : Pembahagian watak itu?

AJAH : Bapaknya degil, anaknya pun degil cerita itu. Saya pun yelah. Saya berlakon dalam cerita itu, ada sekali je pakai baju yang lain kena berlengging. Jadi budak kampung kerja sawah. Waktu itu saya putih sebenarnya kulit saya sampai saya jadi hitam. Berlakon sebulan lebih di Rembau.

AHMN : Oh di Rembau [Negeri Sembilan]

AJAH : Buat sawah. TV3 buat sawah.

AHMN : Oh memang buat lah, bukannya memang *original* [asli] sawah.

AJAH : Buat balik semula. Sebab itu cerita tahun 60 an.

NSS : Habis kalau buat *shooting* [penggambaran] tu dia ambil masa berapa lama?

AJAH : Sekarang?

NSS : Ya.

AJAH : Waktu masa tu kalau buat tele sebulan paling cepat dua puluh (20) hari. Dulu lah. Kalau filem dua (2) bulan.

NSS : Beza tak teater, drama.

AJAH : Teater lain, dia *medium* [cara] yang lain.

AHMN : Teater kan dia satu tempat itu sahaja.

AJAH : Satu tempat lagi satu *audience* [penonton] kita sewaktu. Dia ada di depan kita.

AHMN : Dia secara *live* (langsung) kita buat di hadapan mereka.

AJAH : Itu lagi mencabar. Yang dikatakan *make believe* [boleh percaya] tu kena buat *fully make believe* [percaya sepenuhnya], kena buat betul.

AHMN : Sebab orang tengok kita memang nampak reaksi muka kita tu macam mana.

AJAH : Kemudian latihan teater lama. Bila saya dapat peluang berlakon dengan Tan Seri Johari Jaafar di Dewan Bahasa dulu, Bob Salina. Itu satu pengajaran paling besar. Sebab orang-orang di Dewan Bahasa waktu itu memang *talented* (berbakat). Karya-karya dia, Johan Jaafar memang orang teater, Anak Alam dulu. Jadi, pengalaman saya daripada situ Anak Harimau dengan bila Afsham *approach* [terima] saya untuk berlakon dalam Two Plus One dan Anuar Hj Jamil buat Gado-gado. Waktu itu komedi la banyak sebab orang lebih suka tengok komedi waktu itu. Waktu itu belum ada lagi Raja Lawak apa-apa

AHMN : Waktu itu sama seperti Pi Mai Pi Mai, sitkom seperti itu.

AJAH : Sitkom macam itu lah. Alhamdulillah kami antara orang yang mula-mula mempelopori.

AHMN : Kira biasa teater ini dekat mana encik yang pernah encik ini lah persembahkan?

AJAH : Okey, waktu saya buat Salina, kami pergi ke festival di *Singapore* (Singapura), di Filipina memang *international* (antarabangsa) lah itu benda yang festival teater antaranya Asia lah dan yang selalunya *Singapore* (Singapura) yang selalu panggil kita. Sebab *Singapore* (Singapura) dia ada panggung teater.

AHMN : Oh dia ada panggung memang khas lah.

AJAH : Ya. Kemudian macam Istana Budaya kita lah sekarang. *Singapore* (Singapura) dia ada itu dah lama. Kami bawa Salina, kami bawa Raja Lawak. Sebenarnya nama Raja Lawak itu dia orang dapat juga daripada idea kami buat teater Raja Lawak oleh Zakaria Ariffin. Raja Lawak itu cerita seorang pelawak tua dengan pelawak muda berebut macam ni lah kan macam sekarang ni. Dari segi

realitinya, kehidupan seorang pelawak waktu itu adalah orang yang miskin, papa kedana. Makan pun susah, ada isteri, isteri pun nak lari nak duit takde. Cerita dia macam tu lah. Err itu antara Raja Lawak apa, teater yang popular lah, sebab kami buat Raja Lawak tu selama lima (5) tahun. Bergerak seluruh Malaysia dan Singapura sampai Sabah Sarawak.

AHMN : Raja Lawak tu dia macam ada satu tarikh kira dalam masa sebelum sampai tarikh tu dia latihan ke?

AJAH : Latihan lah.

AHMN : Dekat tempat itu lah

AJAH : Tempat kami berlatih di Dewan Bahasa.

AHMN : Oh kira persembahannya - -

AJAH : Persembahan baru pergi panggung di persembahan itu macam di Kuala Lumpur ni MATIC ada satu panggung kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ada satu panggung besar. Dulu dewan *experimental* [eksperimen] universiti-universiti, kan. Universiti semua ada dia punya panggung eksperimen dia. Saya tak tahu UiTM Segamat, rasa tiada.

AHMN : Aah tiada. Tapi dia ada lah kalau untuk dewan yang pelbagai guna dia adalah.

AJAH : Yang ada dulu di UM, USM, UKM. Sebab kami guna UKM punya itu untuk *shooting* (pengambaran) Pi Mai Pi Mai, *shooting* [pengambaran] Two Plus One semua guna.

AHMN : Dulu guna universiti sebab sekarang kan kita dah ada macam studio Dewan MBSA.

AJAH : Aaa macam tu lah, studio macam tu lah. Dulu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur [Malaysia]yang paling *best* (seronok) tempatnya. Dia ada panggung dia ada dewan. Kemudian dewan dia tu memang untuk teater *hall* [dewan].

AHMN : Memang khas untuk teater sahaja lah takde tak perlu nak ubah-ubah.

AJAH : Ah tiada. Kami buat Uda dan Dara pun di situ. Banyak dipersembahkan sebelum ada Istana Budaya. Sebab itu projek yang kami buat itu adalah antara program yang menghala ke Istana Budaya lah maknanya dulu kan. *Way to* [jalan ke] Istana Budaya.

AHMN : Sekarang ni bidang teater dia semakin perlahan lah kan.

AJAH : Itulah sebabnya, sia-sia pulak lah jadi Istana Budaya itu. Sebab orang dah mula memandang kepada komersial, nilai persembahan, susah payah panggil orang luar negara buat persembahan orang sini tak dapat ruang. Ha ni satu masalah kita, masalah ni besar sangatlah pada saya. Buat studio untuk apa? Tak tahu.

AHMN : Dia macam tak ada aktiviti yang kerap ada diadakan.

AJAH : Dan macam Istana Budaya pun. Wah, bila dah dapat bangunan gah macam itu, *group* [kumpulan] teater pun nak masuk buat persembahan kena bayar lima puluh ribu (50,000) seratus ribu (100,000), eh nak bayar dengan apa.

AHMN : Persatuan teater kan dia bukanlah persatuan, badan persendirian bukannya bawah kerajaan.

AJAH : Allahuakbar, nak dapat lima ribu (5000) pun seksa sebenarnya.

AHMN : Betul, itu pun tengok kalau ada teater adalah hasil kalau takde - -

AJAH : Takde takdelah. Nak cari *sponsor* [penaja] konon, *sponsor* [penaja] ni kena tengok aliran dulu, tengok orang tu punya *background* [latar belakang] baru boleh ada. Ni lah satu benda yang kita disini saya rasa terbalik, saya tak faham kenapa di Malaysia ni terbalik. Nak popular tak perlu ada pembelajaran ada pendidikan, popular dulu.

AHMN: Betul, artis sekarang dia popular dahulu baru. Yela macam encik cakap tadi kan kita ada ASWARA, tapi bakat-bakat ASWARA itu tak ramai yang masuk TV.

AJAH: Tak sampai pun kemana. Tak diberi peluang. Kenapa? Tu yang saya rasa macam apa ni, kau dah diberi amanah tapi tak amanah pulak. Orang yang betul-betul boleh kau taknak bagi, orang yang takde apa-apa ni tiba-tiba masuk.

AHMN: Disebabkan dia ada pengikut yang tinggi dan ada rupa. Sekarang utamakan yang itu dulu baru bakat tu nombor dua.

AJAH: Apa nak jadi, apa nak jadi. Itu yang saya kadang-kadang rasa macam ya Allah, sebab tu saya pun sendiri kalau dalam bidang nak mempersoalkan ini saya rasa sampai dah malas dan kalau tak ye ye saya fikir saya pun taknak jumpa bersidang ni macam. Terus terang saya cakap. Saya rasa macam takde apa perkembangan yang berlaku.

AHMN: Tak kemana.

AJAH: Tak kemana. Takpela, itu antara luahan saya lah.

AHMN: Tapi betullah, saya setuju dengan encik cakap tu memang sekarang ni artis-artis muda ni memang bukan nak kata tak bagus tapi memang ramai yang masuk tu dia daripada pengikut dan rupa bukan daripada *background* [latar belakang] dia memang seorang yang bidang seni, yang belajar seni. Saya tahu ASWARA tu memang untuk mengajar anak muda dalam bidang seni tapi hasil daripada ASWARA tu tak ramai yang kita nampak dalam televisyen.

AJAH: Padahal kalau kita tengok pergi ke ASWARA tu, awak rasa masuk satu dunia kaya, awak tengok orang main muzik dengan kehandalan dia, kebagusan dia. Tapi kerana dia ni *low profile* [rendah diri] barangkali, takde ruang takde peluang. Padahal pelakon-pelakon yang ada dulu, ya Allah, dengan *method* [cara] nya dengan apa yang ada, tapi ruang dan peluang untuk dia orang.

AHMN: Betul.

AJAH: Itu yang saya rasakan lah. Patutnya hmm (tersenyum) entahlah.

AHMN: Dekat UiTM Puncak Perdana dia ada juga *course* (jurusan) untuk lakonan ni tapi disebabkan mungkin masa untuk mereka belajar tu dah lama sangat, so [jadi] kesempatan tu dah diambil oleh orang lain, orang yang lebih popular di media sosial.

AJAH: Memang. Media sosial punya itulah, kuasa dia.

AHMN: Sampaikan ada isu Amerul Affendi tu cakap dia ni takde pengikut yang ramai, tiada rupa, walaupun lakonannya memang

AJAH : Ya, dia memang bagus. Ramai lagi bagus-bagus, tapi tak ada peluang.

AHMN : Saya ada terbaca lah, Datuk Ella dia ada cakap, orang veteran ni dia punya aura tu dia punya hasil kerja tu dia ada nilai, ada aura dia. Sebab tu berbeza la dengan artis-artis muda yang datang masuk secara tak langsung.

AJAH : (tersenyum) Tak sengaja. Tiba-tiba ada peluang. Yelah, saya pun rasa itulah satu benda yang saya sendiri taknak melepaskannya, rasa kalau saya sebut seolah macam kita nak meninggi diri, seolah kita tidak percaya pada keadaan, kalau kita berbunyi macam tu, kita pulak kena *banned* [disekat] (gelak).

AHMN : Yelah artis kana la yang cakap orang akan macam dia dengar, ada yang salah tafsir.

AJAH : Sekarang ni tengok dah balik semula tahun 70 an 80 an, dulu Muhammad Rahman Menteri Penerangan, dia kata orang Malaysia ni rupa Malaysia la yang jadi pelakon. Janganlah ambil orang putih berlakon filem melayu, kan. Memangla dia cantic, semua orang nak tengok dia, habis apa orang Malaysia ni orang apa, kan. Ambil lah rupa Malaysia ni keluar di kaca TV kita, di filem kita. Itulah perkataan wajah kita tu, filem kita wajah kita. Takdelah wajah

NSS : Orang luar nak masuk dekat Malaysia.

AJAH : Yelah walaupun dia katakanlah bapa dia melayu, tapi

NSS : Lebih baik kita pilih rupa yang Malaysia tu.

AJAH : Kalau begitu orang Malaysia tak lama lagi kahwin dengan orang putih nak anak cantik.

AHMN : (ketawa kecil). Baik encik, tadi encik ada cerita yang aaa interview (temuduga) cerita Harimau Harimau, boleh encik ceritakan sikit tak Harimau Harimau itu macam mana boleh tajuk Harimau Harimau. Cerita itu berkisahkan tentang apa?

AJAH: Dia sebenarnya kalau awak baca novel Shahnnon Ahmad [Penulis Malaysia],
arwah - -

AHMN : Yang novel Rentung tu?

AJAH : Ah Rentung tu. Dia cerita satu keluarga yang melawan pembangunan, yang melanggar kata adat lah, adat-adat kita, adat Melayu kononnya. Renting ini terdiri daripada bapa dia. Si Maun bapak dia, adik dia tiga (3) beranak, empat (4) beranak la kira mak dia. Dia cuba melawan waktu tu tanam dua kali padi. Baru nak di apa di *implement* (melaksanakan) kan oleh Jabatan Pertanian waktu itu, kononnya tanaman padi kena dua musim. Tapi waktu itu fahaman, kepercayaan orang kita tanah tak boleh dihambakan. Jadi tanah mesti di dibelai dijaga padi hanya boleh tanam setahun sekali sebab dia tanam padi tanah kena bajak. Lagipun waktu itu memang la membajak ni seksa.

AHMN : Bukan dulu macam sekarang

AJAH : Bukan ada traktor

AHMN : Dulu kan semua pakai manual

AJAH: Pakai kerbau, pakai bajak kan. Jadi waktu itu memang seksa lah, nak buat bendang nak buat menanam, menuai. Jadi keluarga ni dia cuba melawan, melawan pembangunan, melawan arus lah. Keluarga ni cuba menentang segala apa yang dibuat dan keluarga ni garang. Sebab tu agaknya Arman Salleh ambil Harimau Harimau kan, bapak dia macam harimau anak pun macam harimau.

AHMN : Jadi adaptasi daripada novel tu.

AJAH : Aah adaptasi daripada novel tu oleh Salleh Ben Joned. Doktor Darwisy tak silap saya yang mula-mula menulis. Cerita tu memang kejadian benar berlaku di Kedah [Malaysia].

AHMN : Encik waktu tu jadi watak anak kepada

AJAH : Anak kepada Pak Mahmud June tu lah, dia jadi bapak saya jadi anak dia. Bapak borek anak rintik la agaknya.

AHMN : Sama-sama garang.

AJAH : Sama-sama jahat, degil. Sama-sama degil, itu degil yang takde *limit* (had) (ketawa kecil).

AHMN : Kira waktu tu, lepas filem tu disiarkan macam manapenerimaan masyarakat waktu tu.

AJAH : Wah! Saya pun macam lupa diri sekejap.

AHMN & NSS : (ketawa kecil)

AJAH : Tiba-tiba pergi mana-mana, ni Si Maun ni

AHMN : (ketawa kecil). Orang kenal watak tu.

AJAH : Orang kenal watak tu. Orang tak tau siapa

NSS : Aah, tapi dia kenal

AJAH : Tak tau siapa Jalil Hamid dia orang tak tahu. Orang tahu ini si Maun ni. Awak serba salah dah.

AHMN : Nasib baik orang tak marah, ni kenapa degil sangat ni dalam cerita. (gelak)

AJAH : Waktu cerita tu saya tak ada misai taka da janggutlah. Sekali lepas habis cerita tu saya bela, biar orang tak kenal. Rupanya ada juga yang kenal.

NSS : Pergi mana-mana pun orang panggil si Maun.

AJAH : Aah, panggil saya si Maun. Saya pun alamak.

AHMN : Kira untuk cerita tu, filem tu, berapa bayaran yang encik dapat?

AJAH: Waktu tu murah je. Yelah agaknya kerana saya pun baru kan. Kerja sebulan lebih dapat dua ribu setengah (2500). Tu bayaran waktu tulah. Beza dengan sekarang kan.

AHMN : Sekarang dia ikut kepopularan artis tu.

NSS : Populariti

AJAH : Jauh beza lah.

AHMN : Betul.

AJAH : Kita datang *shooting* (penggambaran) naik motor, motor buruk pulak tu, Honda Cup, dengan teksi.

NSS : Susahlah dulu.

AJAH : Lain sangat.

AHMN : Dulu cari duit untuk makan, sekarang duit sampai terlebih-lebih artis sekarang.

AJAH : Yelah. Pada saya lah, pendidikan dalam peribadi diri pada individu, ikhlas kena ada. Hanya kerana nak popular buat apa-apa saja. Itu yang saya rasa macam

AHMN : Kira bidang seni ni dah dikotori dengan niat-niat yang

AJAH : Saya dah pernah tahu, anugerah Berita Harian ni kadang-kadang macam dulu orang beli surat khabar, baru boleh hantar, kan. Jadi ada satu musim orang pulak beli borong surat khabar, isi sendiri ataupun isi kawan-kawan dia bagi pada saudara-mara.

AHMN : Minta tolong isikan

AJAH : Isi-isi hantar, menang lah. Sebab saya lalui sendiri, bila saya tengok, saya takde buat satu apa pun, saya sendiri pun tak hantar untuk undi tu bila saya dicalonkan. Lepas itu tengok siapa yang menang, suka hantar lah kan. Bila diumumkan saya rasa terkejut, eh seratus ribu (100,000), Tanya dengan adik – beradik, korang hantar ke? tak juga takde. Itu yang bila saya dengar sekarang ni sampai lapan puluh enam (86) juta, dapat sebuah Mercedes untunglah.

AHMN : Kata lah seorang satu (1) ringgit, fuh lapan puluh enam (86) juta.

AJAH : Lapan puluh enam (86) juta duit wo.

AHMN : Baiklah encik, tadi kita dah dalam bidang lakonan, sekarang kita berpindah ke bidang nyanyian pulak. Macam mana boleh tercetusnya idea, sebab kalau kita tengok tajuk-tajuk lagu encik, dia *just simple* (mudah sahaja) je, Ayam, Mata, Raya. Macam mana boleh keluar idea nak buat lagu tu. Macam encik cakap tadi Azmeer yang nak buat tapi encik nak tulis sendiri.

AJAH : Dia begini lah, kalau kita belajar bidang kreatif, kita kadang berfikir untuk jadi kreatif. Bila sebut kreatif kita mengambil benda yang mudah untuk dikembangkan, kan. Sesuatu yang dikembangkan sampai semaksimum yang mungkin. Jadi saya selalu berpegang pada dasar kreatif yang kadang-kadang orang tak terfikir. Orang kadang sekali imbas oh ni merah eh, tapi, eh merah ni kenapa, kenapa merah eh

AHMN : Dia boleh kembangkan lagi banyak daripada satu perkataan banyak yang boleh dikembangkan.

AJAH : Sebab waktu belajar teater, kami diberikan bahan begitu. Kadang beri sebatang mancis, apa aku nak buat dengan sebatang mancis ni, kan. Kadang dia bagi kita sepatu, apa yang aku boleh buat dengan sepatu ni. Daripada situ lah saya kadang-kadang terfikir juga sebenarnya lagu ayam pun bukannya daripada ayam sebenar asalnya. Sebab lag utu dengan muziknya atas nama tol, waktu tu kan tol tengah popular kan, banyak tol. Tapi itulah kerja Allah Taala, hari yang Allah Taala beri waktu itu, sampai korus tak boleh masuk, sampai korus tak boleh dapat

AHMN: Hmm. Rentak dia tu tak dapat.

AJAH: Dia punya rentak tu dapat, nak masuk, nak *sync* (penyegerakan) kan dengan *word* (perkataan). Ok lah, sampai saya *give up* (putus asa). Pada suatu hari tu saya *ride* (menunggang) basikal balik ke Shah Alam malam, tiba-tiba dekat *roundabout* (bulatan) ayam berkokok, saya terfikir tengah bandar ni mana ada ayam. Waktu tu kan.

AHMN: Kira nak dapat, Allah nak bagi idea.

AJAH: Memang kebetulan lah, waktu tu bulan puasa, tiba-tiba waktu lepas itu saya teringat arwah bapak saya cakap kau tau tak ular boleh menyamar jadi ayam, berkokok macam ayam, bersuara macam ayam. Oh yela, terfikir kan, ular boleh berkokok ayam. Macam-macam ayam ni, lahir prkataan tu. Waktu itulah Allah Taala nak bagi kan, *non stop* (tanpa henti) perkataan ayam tu keluar, banyak benda yang berkaitan dengan ayam. Saya *ride* (menunggang) basikal balik ambil kertas terus tulis. Ayam hitam, ayam --- apa-apa ayam lah ada kaitan dengan ayam. Sampai apa (bunyi) peribahasa inggeris pun saya jumpa, *chicken out*.

NSS : Hm (tertanya)

AJAH : Chicken out ni penakut lah. Eh ini peribahasa orang putih pon ada *chicken out* ni. Padang golf pun ada *chicken*. Orang yang kalah kena buli dia panggil chicken. Eh banyak ayam ni, saya tulis esok masuk studio terus jadi. Dan respons yang paling mula saya terima dari seorang kartunis. Adik Manan Noor eh abang Manan Noor, Juragan. Dah arwah dah, tak taula saya tak adik beradik Manan Ngah tu composer, dia orang Terengganu. Bukan Juragan Lailahailallah, yang cacat tu siapa, yang buat kartun A. Mahmud dalam Gila-Gila, Astaghfirullahaladzim, Fattah, Fattah namanya. A. Fattah. Dia tu macam cacat sikit, dia tu gagap. Bila dia dengar lagu tu dia diam. Tetiba je dia (bercakap gagap). Kenapa tah, (bercakap gagap). Saya dapat *response* (maklum balas) yang mula-mula la, saya terkejut. Saya balik rumah, saya dengar anak saya nombor tiga, dia pelat, edap yah (bercakap pelat). Saya kata budak ni cepat nor tangkap. Dia bawak radio dia taruk (letak) kat depan rumah panggil kawan-kawan dia pasang lag utu, lepastu dia nyanyi ramai-ramai. Saya cakap eh, cepatnya, kan. Rupanya, betullah, benda tu *catchy* (tangkap) cepat sangat untuk budak-budak.

AHMN : Sebab kalau tengok pada lirik pun, lirik yang sangat *simple* (mudah) tapi ada maksud tersirat.

AJAH : (ketawa kecil). Okey lepas itu, itu yang saya rasa macam terdorong hanga dengankarya yang begitu. Kemudian nak siapkan dua belas (12) lagu banyakkan, buatlah. Bila dah hantar ke *company-company* (syarikat-syarikat), waktu tu diorang pandang orang juga. Awak bukan rockers, awak bukannya *handsome* (kacak). Mula-mula semua taknak, tiba-tiba ada satu *company* (syarikat) Jepun err Pony Canyon, dia baru ditubuhkan di Malaysia. Masatu siapa AirAsia - - eh AirAsia, Asia Bagus eh, ada tak, ingat tak?

AHMN & NSS : (tertanya-tanya)

AJAH : Asia Bagus. Ya Allah siapa penyanyi dia. Perempuan tu.

AHMN : Ha ni rancangan ni eh?

AJAH : *Stewardess* (pramugari) tu Lailahailallah. Asia Bagus, perempuan tu siapa, Lailahailallah aku ni kenapa lupa Astaghfirullahaladzim. Ni sekarang ni --- penyanyi tu, Asia Bagus.

AHMN & NSS : Krisdayanti?

AJAH : Tak yang Malaysia.

NSS : Amy Mastura?

AJAH : Ha Amy Mastura. Antara penyanyi Pony Canyon yang pertama hasil daripada Asia Bagus. Tiba-tiba dia *approach* (mendekati) saya. Jepun tu, Pony Canyon tu. *We like your song* (kami suka lagu awak). Saya kata kenapa pulak Jepun suka orang lain tak suka, kan. BMG ada, apatu... kenapa diorang taknak. Jepun tu panggil saya jumpa dia, *now what ever they offer you, better leave it, you take my offer. You tell me how much you want.* (sekarang walau berapa mereka tawar, baik awak abaikan, awak terima tawaran saya. Beritahu berapa yang awak mahu). Kita pun macam termangu la kejap kan. *Give me one week* (beri saya satu minggu). Dalam masa seminggu tu boleh katakan semua *recording company* (syarikat rakaman) yang saya hantar tadi tu nak *approach* (terima) saya pulak. Aik, kenapa pulak engkau ni kan. Berat ni, saya kata takpela dengan Pony jugakla. Saya terkejut bila dia *offer* (tawar), *we have the very good product* (kami mempunyai produk yang sangat bagus), saya pun haa yelah boleh lah, aku pun bukannya - - akhirnya kontrak dengan dia,

Alhamdulillah. Tapi yela dia satu *company* (syarikat) luar, orang senang memainkan dia pulak kan, Jepun kaya dengan, *best* (seronok) dengan dia orang tapi dia dimainkan oleh pengedar, edaran rekod main-mainkan dia pulak. Tu yang akhirnya dia tutup. Amy Masutra tu dia Pony Canyon, saya Pony Canyon jugak. Kami macam anak emas lah dalam Pony Canyon.

AHMN : Dijaga lah.

AJAH : Jaga gila. *Show* (persembahan) mana, di Perak naik *flight* (penerbangan).

AHMN : Kira tak ramai la waktu tu artis Malaysia *under* (bawah) Pony Canyon.

AJAH : Aah tak ramai. Dua (2) tiga (30 orang je.

AHMN : Kira waktu itu, bila Ayam keluar, macam encik cakap tadi sampai anak-anak jiran pun menyanyi. Kira lagu tu belum sempat *release* (dikeluarkan) orang ramai dah dengar.

AJAH : Dah dengar. Dan yang paling saya terkejut bila saya *release* (dikeluarkan) je dekat sini, kat Indonesia dah *release* (dikeluarkan) dah. Dia ciplak. Dia ambil lagu saya tu dibuat dangdut. Jadi saya kata, eh cepatnya kenapa Inonesia dah ada lagu dangdut. Rupanya yang bagi tu *live record* (rekod langsung). Pengedar sini tu dia hantar sana suruh orang sana buat dangdut.

AHMN : Kira orang sana yang menyanyi lagu tu lah, dia ambil orang sana lah.

AJAH : A'ah. Tu yang saya rasa *frust* (kecewa) tu, dia orang jual dalam masa tiga (3) bulan tiga (3) juta *copy* (salinan) kaset.

AHMN : Iyalah sebab dah diciplak.

AJAH : Ya, saya pergi bicara di Jakarta [Indonesia] dua (2) minggu lawan untuk m

AHMN : Untuk hak milik.

AJAH : Aah hakmilik. Rupanya di Indonesia dia tak jaga hak milik orang.

AHMN : Oh, hak milik dia tak terpelihara lah.

AJAH : Tak terpelihara kita punya dekat sana. Ya Allah saya rasa kesalnya.

AHMN : Itulah. Kalau tiga (3) juta tu dah banyak sangat dah tu.

AJAH : Kaya saya.

AHMN : Waktu tu tiga (3) juta.

AJAH : Fuh. Saya tak payah cakap lagi. Boleh hidup sampai sekarang. Itu dia punya keistimewaanya. Jadi saya yang terperanjat bila dia punya *impact* (kesan) tu banyak pada budak-budak lah lagu Ayam, budak-budak lepatu jualan dekat sini pun cecah sau perpuluhan enam (1.6) juta.

AHMN : Tapi kalau tengok pada lirik Ayam tu pun dia kata “makan leher nanti kepala teleng”.

AJAH: (ketawa kecil)

AHMN : Biasanya kan orang-orang tua yang akan cakap macamtu kan. Anak-anak muda mana nak tahu. Dia pun tak faham maksudnya macam mana. Dengan adanya lagu Ayam tu

AJAH : Setidaknya ada benda yang boleh dia fikir sendiri la kan. Sikit-sikit.

AHMN : Pesanan orang tua diselitkan dalam lagu tu lah sebagai lirik.

AJAH : Tak tu pasal daripada kita punya satu macam sorotan budaya kita.

AHMN : Mm (mengganguk setuju).

AJAH : Sorotan kehidupan kita yang orang dah lupa.

AHMN : Sebab kalau kita tengok orang-orang tua dia melarang dengan cara macam tu, “jangan duduk atas bantal, nanti bisul”, padahal memang tak elok la sebab bantal kita letak atas kepala. “makan jangan pindah-pindah, nanti bini ramai...”

AJAH : Kan bersepah tu, banyak yang mengelolakan pulak.

AHMN : Cara menegur tu dengan menakutkan.

AJAH : Kandang-kadang benda macam itu pun ada kias dia kan.

AHMN : Biasalah orang tua ni kan, kalau melayu yang lama-lama kan lebih berkias, macam orang seni.

AJAH : Taknak orang tu terasa hati.

AHMN : Menjaga adab tu.

AJAH : Sopan. Itu dipanggil kesopanan.

AHMN : Itu saya setuju nak berbanding dengan orang remaja sekarang dah takde lah, adab tu dak takde. Bukan adab tu takde, istilah sopan dalam berkata-kata tu.

AJAH : Yelah. Dulu orang jarang maki orang depan-depan.

AHMN : Sekarang dari jauh-jauh dah dengar, sampai satu dewan boleh dengar.

AJAH : Itulah dia. Benda hormat macam tu lah. Kita menegur sosial, kita cuba nak menegur sosial.

AHMN : Menegur biar beradab.

AJAH : Haa, itulah antara yang (bunyi gangguan) memang kita usahakan tapi Wallahua'lam.

AHMN : Baik, boleh encik kongsiikan sedikit tak sepanjang dalam bidang seni daripada muda sampai ke sekarang dan akan datang InshaaAllah, apa kenangan manis yang encik tak boleh nak lupakan sepanjang dalam bidang seni ini?

NSS : Masih segar dalam ingatan encik.

AJAH : Dia sebenarnya kalau nak ikutkan pahit manis tu memang ada. Saya yang paling bangga dengan lagu Ayam saya itulah. Saya tak boleh lupa sebab satu benda macam tak logik bagi saya. Bila saya buat *show* (persembahan) di Perak, di Ipoh. Saya duduk di Hotel Casuarina yang ada tu lah. Kami duduk makan dekat *hall* (dewan) eh dekat bawah tu. Ada orang da tunggu saya dua (2) hari kat situ, nak jumpa saya. Waktu tu ada PR (public relation) kononnya menjaga kita. Orang nak jumpa pun payah tak kenal tak ye ye. Rupanya, orang ni suami isteri dia dengan anak sorang tu dia dah tunggu saya dua (2) hari nak jumpa tak dapat.

AHMN : Punya semangat.

AJAH : Ah saya pun tak tau kenapa mula-mula. Bila saya toleh dia angkat tangan. Kenapa orang ni angkat tangan je kan. *Last-last* (akhirnya) saya tanya dengan PR saya “Jamil, Jamil Tanya dengan dia, kenapa nak jumpa saya ke? A’ah daripada semalam bang, Saya dah cakap tak bagi.” Alah si pondan ni pulak

AHMN & NSS : (ketawa kecil)

AJAH : Dia kan jaga-jaga ni kan. “Kau ni bagi la orang nak jumpa, aku ni bukan orang besar-besar sangat.” Panggillah, datang duduk, cium tangan. “Apa kau cium tangan aku, aku muda lagi”. Muda la kononya. Waktu tu 30 an. Ambil gelang...eh rantai emas, cincin bagi saya. “kenapa nak bagi saya? Ni engkau punya mas kahwin ni.” A’ah dia kata. Ni rantai mas kahwin saya, isteri dia cakap. “Kenapa bagi saya?” Sebenarnya bang, dia kata kerana lagu abang ni menyantumkan kami semula.

NSS : (terkejut)

AJAH : “Eh! Pasal apa?” “Kami kahwin lima (5) tahun bang, tapi tak pernah tidur sama”
“Isteri saya ni bang nampak muka saya, maki saya, ludah saya.

AHMN : Allah.

AJAH : Tak taulah pasal apa kan. Sampai satu hari tu saya balik kerja saya jumpa album abang saya beli. Saya duduk dengar dekat kaset tu kan, tiba-tiba isteri saya datang duduk sebelah saya.

AHMN : Dengar juga lagu tu.

AJAH : Aah nak dengar juga. Lepastu dia pegang tangan saya. Ya Allah bang saya rasa macam masuk syurga.

AHMN : Nikmat yang tak pernah nak dirasa dalam perkahwinan.

AJAH : Ha tulah. Saya kata habis tu macam mana? Lepastu bang, isteri saya mengandung. (gelak) kurang ajo. Lepastu saya namakan anak saya Jalil Hamid.

AHMN & NSS : Ohh

AJAH : Budak nil ah dia.

AHMN : Kira lama juga ambil masa nak jumpa encik tu. Kata budak tu belum ada lagi

AJAH : Dekat setahun. Dah sampai lahir budak tu.

AHMN : Haa nak berpeluang nak jumpa.

AJAH : Habis nak bagi saya buat apa, kau bagi la hadiah dekat isteri kau kan. Ni hadiah besar daripada Allah Taala dah bagi kau. Tula, terima kasih bang dia kata. Saya, lagu album abang tu memang bini dia boleh cakap, saya terhibur sangat saya rasa berubah jadi kasih kepada suami saya. Aku ni pawang ke.

AHMN & NSS : (ketawa kecil)

AJAH : Di Johor, di rumah Menteri Besar Johor, waktu tu dia buat untuk anak-anak istimewa. Saya terkejut anak-anak istimewa yang tak pernah bercakap, nyanyi lagu tu. Nyanyi lagu Ayam. Orang tu orang Segamat tak silap saya, anak dia. Dia datang jumpa saya, dia kata, dia bawa kain sampin hadiah. Dia kata, syaa nak ucap terima kasih lah kerana anak saya tak pernah bercakap sepatah pun tiba-tiba boleh nyanyi lagu Ayam. Saya kata, yeke, habis apa perkataan lain yang dia tahu. Lagu Ayam tu je tahu. Semua perkataan dalam lagu Ayam dia tahu.

AHMN : Dia pandai sebut semua perkataan dalam lagu tu je.

AJAH : A'ah dalam lagu. Ya Allah, saya rasa tu impak yang saya tak boleh lupa, saya tak sangka. Seumur hidup saya, saya rasa macam kerja Allah Taala ni.

AHMN : Asbab lagu tu, dia berikan - -

AJAH : Dia berikan banyak benda, impak. Saya benda-benda lain saya tak bangga Cuma saya macam saya gembira terima berita ni.

AHMN : Cerita eksklusif ni, sebab tak pernah mana-mana saya baca yang encik cakap daripada lagu Ayam dia boleh macam-macam kisah.

AJAH : (ketawa kecil) Ya. Itu yang saya kadang saya jadi satu kenangan nostalgia bagi saya lah. Saya rasa macam terima kasih Ya Allah, Kau berikan apa, ilham. Itu antara lagu la kan, lagu lain tu biasa lah kan.

AHMN : Sebab saya pernah dengan pun lagu Ayam dan lagu Raya.

AJAH : (ketawa kecil) Lagu Raya tu, sebab saya tengok kenapa orang buat lagu sedih lah lagu raya, kan. Semua nak menangis lagu raya ni. Raya kan ceria, gembira. Lagi satu takkan hari raya je orang nak dengar. Orang semua ada hari raya masing-masing kan. Kalau satu lagu tu main lagu raya je, satu lagu satu bangsa je.

AHMN : Ini dalam lirik tu kan encik letak India, Cina semua.

AJAH : Semua. Itu semua macam atas kesedaran atas apa kata yang saya sebut orang lain tak perasan tapi benda tu dekat. Tu yang jadi symbol proses tu. Saya buat lagu makan. Pernah dengar lagu makan?

AHMN : Makan tu saya tak pernah dengar pulak, tapi lagu Ayam tu *even* (malah) sampai sekarang pun ada lagi radio yang putar lagu tu. Lagu Raya pun ada.

AJAH : Makan tu macam unik sikit. Cuma dia cerita pasal makanlah, makanan Malaysia. Makanan pelik-pelik, tahi minyak, tahi itik.

AHMN : Kira makanan yang jarang la kita dengar.

AJAH : Selalu dengar tapi orang tak kenal.

AHMN : Orang tahu makan tak tau nama tu apa. Tapi yela cara encik nak sebarkan budaya kita dalam bentuk nyanyian tu saya puji lah, memang satu benda yang

--

AJAH: Terima kasih.

AHMN : Err amat kita hargai. Sebab kalau tengok lagu sekarang tu bukanlah takde, ada tapi mungkin rentak dia tu yang berbeza. Macam lagu Ayam dan Raya kan rentak dia yang suasana yang gembira kan.

AJAH : *Happiness* (Gembira). Berhibur itu kegembiraan kan, bukan berhibur menambah kesedihan. Betul tak. Dengar lagu menangis dah macam mana.

AHMN & NSS : (ketawa kecil)

AJAH : Itu je prinsip saya, itu antara prinsip saya lah. Macam lawak jugak, lawak ni sebenarnya hanya menyentuh diri sedikit-sedikit. Bukannya lawak ketawa terbahak-bahak, pada saya lah. Sebab tu saya tak berapa berminat untuk jadi pelawak. Saya hanya jadi pelakon lah. Kalau lawak tu, pelawak. Kalau cerita serius, pelakon itu serius. Ha begitulah. Kalau jahat tu, pelakon jahat saja.

AHMN : Saya selitkan sedikit lah soalan. Padangan encik tentang pelawak dahulu dengan lawak sekarang. Sebab bagi saya dahulu dalam lawak dia ada, biasalah dia ada maksud tersendiri. Macam lawak sekarang kan dia lebih kepada menghina seseorang, lawak yang membaham seseorang.

AJAH : Sebenarnya haram. Itu telah disebut dalam Al-Quran, dalam hadis Rasulullah pun dah disebut awal-awal. Menyentuh peribadi seseorang itu haram hukumnya. Memang haram sungguh bukannya haram yang boleh dimaafkan.

AHMN : Bukan boleh *nego-nego* (tawar-menawar).

AJAH : Itu dah jelas disebut sebab waktu saya dipaksa masuk pertandingan Raja Lawak, Maharaja Lawak tu kan, saya bergaduh dengan penerbit. Saya sampai minta saya dikeluarkan. Kebetulan Allah Taala berkenankan. Satu episod, episod kedua saya keluar. Pasal waktu tu dia orang nak cari pelawak tu masuk pertandingan, dia nak popularkan program, dia pasa kita lah.

AHMN : Dia panggil yang lama-lama masuk.

AJAH : Haa masuk. Wajiblah masuk kalau tidak nanti takde orang nak siarkan. Allah kita pun, hibur dengan kawan-kawan lah. Sampai saya beri syarat, berlawak boleh buat lawak tapi jangan sampai dia merosakkan. Pertama sekali lelaki jadi lelaki, lelaki jangan sekali-kali jadi perempuan dalam lawak. Itu paling diharamkan dalam Islam. Eh dia kata okay lah boleh buat lah. Wah syarat mula-mula tu memang betul. Episod pertama dah rosak dah bila Adlin (Aman Ramli) buat, jadi nyanyi lagu tamil tu kan

AHMN : A'ah ya ya.

AJAH : Saya kata tu pun dah tak boleh sebenarnya tapi korang kenapa pilih. Lepastu berlarut lah dah ada yang sayang hmm. Kalau kau tak keluarkan aku, aku keluar sendiri tengah-tengah *show* (persembahan) aku isytiharkan perkara yang buruk ni. Okay lah okay lah.

AHMN : Kira minggu kedua tu lah dikeluarkan.

NSS : Baiklah kita dah tahu pengalaman manis encik, ada juga tak pengalaman pahit sepanjang jadi dalam industri seni ini?

AJAH : Banyak. Orang tak bayar awak punya kerja, pun ada. Dah terima cek, pegi bank, *stop payment* (berhenti bayar) pun ada.

AHMN : Tapi pernah tak encik pengalaman tu ada? Bersama produksi memang kita bekerja pun selesa

AJAH : Ada

AHMN : Cerita apa

AJAH : Tapi drama, tapi produksi tu yelah yang menjalankannya pulak tak betul kan. Satu *production house* [rumah produksi] ITH yang saya pernah buat dengan dia _ Kita *shooting* [penggambaran] ni macam, kira macam agung lah kita.

NSS & AHMN : Ohh

AJAH : Bagi satu bilik hotel,

NSS : Lengkap lah semua

AJAH : Lengkap semua, makan minum dijaga, dia bawak catering dekat set, lori kan masak dekat situ. Saya nak makan mee goreng dia buat

AHMN : Kira kita boleh *order* [pesan] dekat situ

AJAH : *Order* [pesan] je dekat situ macam gerai, duduk je sekejap dia punya *runner* [penghantar makanan] datang, “encik nak minum kopi?” sampai begitu sekali tau, kita lambat je daripada hotel dia ketuk pintu, encik ada demam ke, masalah ke sampai macam tu sekali dia punya bagusnye tapi itulah orang yang menjalankan *company* [syarikat] tu dia bertahan di _ lima tahun saya rasa. Dia tengok taukey dia datang tengok kitorang shooting pakai satu kamera kan mula-mula “asal susah nau kerja ni alih sana alih sini, satu kamera tapi yang *director* [pengarah] tu kata kalau biasa KALAU kerja dengan tiga kamera senang.

AHMN : Ohh boleh letak sisi lain-lain

AJAH: Dia balik, lusa tu dia datang dengan kamera tiga bijak, dia pergi jepun beli

NSS & AHMN : Ohhh (ketawa kecil)

AJAH: Tu saya kat ohh ya Allah orang ni,

AHMN : Ohh tu *company* [syarikat] Jepun lah

AJAH: Tak, *company* [syarikat] melayu

AHMN : Ohh dia beli memang dari sana *direct* [terus]

AJAH : Kamera kan boleh beli sony sama ada jepun ataupun daripada europe eh daripada LA. Dia punya edaran tu dekat sana, jadi dekat sini dekat dia kata dia pergi pasal dia ada projek buat lampu lapangan terbang di jepun, dia beli

AHMN: Alang-alang sekali, tapi yelah memang dia beli terus *direct* [terus] dari sana

AJAH : Sampai sini, dah kameraman pulak tergamam, macam mana ni kamera baru
haa

NSS : Ohh nak guna kamera macam mana

AJAH : Tak tahu, itu yang saya rasa macam ya allah, saya dapat melihat itu lah keadaan
itu, Kita panggil dia Wak Ning orang muar , dia tu kaya lah. Selepas saya
berlakon dengan dia, saya ingat pesan dia “ Lil, kau kalau nak kaya, kau
takpayah berlakon Lil” dia kata

NSS : Ohh dia cakap macam tu

AJAH : Kenapa wak, kau ikut aku nak? Aku buat lapangan terbang – kat sana karpet
pun ada. Haa orang-orang sana dia suka makan satay, aku ajak kau pergi sana
kau berniaga satay nak?”

AHMN : (ketawa kecil)

AJAH : Saya kata eh macam mana wak, gila ke apa memang aku tahu nak buat satay
tapi dia kata tulah kau cuba belajar *training* [latihan] maknanya- - kau pernah
belajar - - tak pernah. Sekarang kita - - tapi dia punya pengeluaran produk dia
mahal-mahal, dia karpet dia memang satu dunia nak. Kita ambik pergi Brazil,
saya kata Allah wak, susahnya kerja

AHMN : (ketawa kecil)

AJAH: Tak, ini semua bukan kau buat. Aku ajar kau, kau jual satay sana dapat duit kau beli karpét. Takpun kita pergi Brazil, aku ada projek di Brazil beli kopi, kau ambik kopi lumur ke, empat kali ganda dah harga dia, kalau kau dapat seribu tiga kali jalan kau dah dapat empat ribu dia kata, beza dia ada satay kau bawa lidi dari Malaysia

AHMN: Ohh (mengangguk)

AJAH : Iyaa, saya kata daging ke ayam murah ni

AHMN : Memang otak *business* [perniagaan] ni

AJAH : Yaa, dia memang kepala business [perniagaan] ni tu dia kata kau berhenti lah berlakon aku *guarantee* [jamin] kau lima tahun kau balik sini kau jadi jutawan

AHMN : (ketawa kecil)

AJAH : Kau jadi produser “alah wak, susah lah” lepas tusaya terpikir balik lah, betullah saya dekatkan diri dengan mata wang, belajar sikit-sikit. Ingat nak main forex jugak dulu, main saham ke kan. Baru saya sedar, tapi memang peluang dia besar lah. Dia tak peduli pun, syarikat dia ni dia buat satu *building* [bangunan] dekat jalan keliling ni. - - kasi orang jaga

AHMN : Sebab dia ada bisnes-bisnes lain lagi

AJAH : Eh banyak bisnes dia, bayangkan satu dunia kontrak, kontrak seumur hidup lapangan terbang

AHMN : Oh memang dia sampai bila-bila

AJAH : Dia yang buatkan, dia buat maintenance [penyelenggaraan] tu sistem tu dia bawak di Malaysia ni. KLIA tulah dia. Proton dulu dia bawak masuk Malaysia, dialah orang yang bawak dia – asalnya

AHMN : Kira dia ada lagi lah sekarang.

AJAH : Ada

AHMN : Kira dia masih berhubung dengan encik

AJAH : Tapi dah berumur, orang dah berumur dah. Tapi yelah Tuhan bagi rezeki lain-lain. Dia kahwin tak silap saya dah dua belas kali.

AHMN: Allah

AJAH : Sorang pun tak dapat anak. Tapi aritu - -

AHMN : Tak tahu nak waris kan ke mana

AJAH : Dia selalu panggil jumpa ajak jumpa macam kita malu sendiri. Kita hidup macam ni je, dia kaya raya. Pergi rumah dua ekar tanah

AHMN : Allah, besar tu

AJAH : Satu ekar banglo dia, alah kita macam alah keciknya

AHMN : Kita pulak rasa kerdil

AJAH: Tak sanggup aku nak kawan dengan orang sampai saya sendiri cakap “ Wak, aku taknak kawan dengan kau” kita ni - -, dia ketawa “ bodoh lah kau”

AHMN & NSS : (ketawa kecil)

AJAH : Dia orang Muar [Johor]

AHMN : Oh yelah, Muar [Johor] kan dekat dengan Melaka [Melaka]

AJAH : Haa, tu saya kata dia ada lagi duduk dekat Subang Jaya. Dia antara yang lain kita teruskan, awak pun dah pukul berapa.

AHMN : Ohh yelah, kita pun sebab dah banyak sangat berborak

AJAH : Awak rasa apa, ada yang tertinggal lagi

AHMN : Saya rasa harapan lah encik terhadap - -

NSS : Mungkin ada impian encik - -

AJAH : Yelah, pada saya, saya memang macam Zaiton Sameon [Penyanyi Malaysia] kata menaruh harapan, kita boleh menaruh harapan, boleh berharap berhasrat tapi jadinya mungkin hanya Allah je yang tahu kan, kita tak boleh nak menentukan apa-apa sebab kita tak tahu esok pada saya begitu lah. Saya mungkin boleh bercakap hari ini, esok Allah taala punya kuasa mengubah, kita Wallahua'lam. Mungkin saya juga akan berubah tiba-tiba, tapi apa yang kita hasratkan pada saya macam yang saya kata lah, benda ni khazanah kita, hak kita, budaya kita. Kalau kita tak pertahankan, kita tak laksanakan benda tu akan hilang kan. Jadi, mana perginya. Betul kata P. Ramlee [Penyanyi Malaysia], lepasni lagu melayu akan hilang.

AHMN : Sekarang lagu asli dah takde orang buat dah.

AJAH : Jadi, nilai seni tu dimana. Adakah nilai seni ni macam arus sungai, lalu bawa segala-galanya buang, hanyut begitu sahaja. Jadi apa, dan matlamat apa dipegang oleh orang-orang yang bergiat dalam bidang ni. Pada saya tu benda yang perlu difikirkan. Orang lain nak tengok budaya kita, orang lain ingin tahu budaya kita, tapi kita kenapa buat tak tahu dengan apa yang kita ada.

AHMN : Kita sendiri yang taknak promosikan kita punya budaya.

AJAH : Itu jela harapan saya. Semoga ada orang yang boleh perjuangkan, pertahankan, pada saya itulah. Itu harapan saya lah, yang lain-lain tu berusaha, kita berusaha tetapi sejauh mana kita tak tahu.

AHMN : Kita hanya mampu berusaha, yang menentukan itu Allah, tapi takkan kita nak berharap seratus peratus (100%), kenalah usaha

AJAH : Kalau tak mula macam mana nak tahu akhirnya kan.

AHMN : Takde benda datang bergolek.

AJAH : Sebab tuhan tak mengubah apa nasib seseorang tu kalau orang tu sendiri tak ubah. Yela betulla. Kalau kita nak makan nasi ke

AHMN : Nasi tak datang dekat kita

AJAH : Takde dia datang. Itu benda yang mudah kita nampak, praktikal, realiti nya begitu. Sebab tu saya cuba sedaya upaya lah. Walaupun orang kata kuno lah kau berlakon. Melayu sangat lah. *You are Malay, too malay* (Awak melayu, terlalu melayu)

AHMN : Cara kita nak tunjuk kita punya budaya dekat orang dengan lakonan kita lah. Apa yang kebolehan kita, kita tunjuk.

AJAH : Yela, ada yang tak setuju dengan cara saya berlakon, melayu sangat. Ada orang berlakon macam orang putih sikit, okay lah.

AHMN : Tapi itulah saya tengok cerita encik dalam cerita Bisik Pada Langit dengan Ayahanda tu memang menjiwai betul watak tu. Watak seorang ayah tu memang

NSS : Saya tengok juga

AJAH : Terima kasih.

AHMN : Memang menunggu tiap-tiap minggu episod baru keluar. Baiklah encik, itu sahaja sesi temuramah kita. Saya nak ucapkan terima kasih lah kerana sudi menerima jemputan kami, berkongsi serba sedikit mengenai, bukan sedikit lah memang banyak pengalaman hidup encik tu, rasanya tak cukup masa dua (2) jam lebih patutnya ni.

AJAH : (ketawa kecil) itu kekayaan Allah Taala lah bagi pada kita. Semoga dengan berkongsi sikit-sikit gini dapat beri sedikit apa pengetahuan, sedikit apa rasa yang perlu disampaikan.

AHMN : Saya doakan encik dimudahkan rezeki, diberikan kesihatan, InshaaAllah. Semoga dapat menyumbang serba sedikit dalam bidang seni kita. InshaaAllah.

AJAH : Aamiin. InshaaAllah. Saya nak mengubahnya dengan tangan saya tak boleh, saya boleh dengan apa

AHMN : Kebolehan yang ada sedikit ni

AJAH : Sedikit ni jadilah.

AHMN : Ni bukan sedikit, tu memang setiap lakonan encik tu terkesanlah.

AJAH : (ketawa kecil). Ya Allah, Alhamdulillah lah, kurniaan Allah.

AHMN : Dengan ini, berakhirlah sesi temubual sejarah lisan mengenai industri seni bersama Encik Jalil Hamid, kami mengucapkan ribuan terima kasih atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh encik dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam industri seni pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

LOG TEMUBUAL

6.0 LOG TEMUBUAL

MINIT	TOPIK	HURAIAN
0:00:45-0:02:45	Latar belakang diri dan keluarga tokoh.	► Nama: Abdul Jalil Bin Abdul Hamid ► Adik-beradik: 5 orang ► Umur: 64 Tahun ► Tempat Lahir: Kampung Kuala Masai, Johor.
0:02:47-0:15:18	Penceritaan hobi tokoh ketika masa lapang.	► Hobi: Menulis berkaitan memori dan pendidikan. ► Beliau gemar menunggang kuda, berjalan dan mengembara ke pelusuk dunia.
0:15:27-0:18:27	Latar belakang keluarga	► Nama bapa: Abdul Hamid Bin Osman seorang guru Bahasa Melayu di sekolah cina ketika zaman Jepun dan bekerja sebagai nelayan dalam masa yang sama. ► Nama ibu: Rafeah Binti Muhammad. ► Daripada keluarga nelayan asalnya. ► Berpindah ke Johor daripada Gelang Patah selepas berkahwin.
0:26:09- 0:29:58	Menceritakan kisah keluarga	► Kaum nelayan yang berpindah ke tanah rancangan Felda. ► Arwah bapa pernah bekerja menoreh getah di Kuala Masai.

		► Bergaul dengan ramai orang daripada pelbagai negeri selepas berpindah. ► Melihat situasi pada ketika itu sebagai satu perkembangan dan pendidikan.
0:32:57-0:35:15	Latar belakang pendidikan	► Sekolah Rendah: Sekolah Rendah Kebangsaan Felda Chaya Baru, Masai, Johor. ► Sekolah Menengah: Sekolah Penggawa Hijau Timur. ► Dipilih masuk ke sekolah sains di usia 16 tahun tetapi tiada keupayaan untuk belajar di sekolah sains. ► Melakukan kerja sambil untuk bersekolah dan aktif dalam persatuan belia. ► Menyertai pertandingan teater dan drama yang dianjurkan dan mula aktif.
0:35:30-0:43:34	Perjalanan kerjaya	► Pada tahun 1976 mula bekerja di pelabuhan Johor, Pasir Gudang. ► Meletak jawatan bekerja di pelabuhan dan bersambung sebagai kakitangan kerajaan di ITM sebagai unit kebudayaan sehingga tahun 1990.

57:40-1:10:26	Soalan berkaitan perbezaan artis baru dgn dahulu	► Artis baru mudah memasuki bidang seni kerana mempunyai rupa dan pengikut di sosial media yang ramai. ► Tetapi mereka tidak mempunyai ilmu yang cukup dalam bidang seni.
1:12:30-1:18:20	Tempoh masa untuk penggambaran	► Tempoh penggambaran untuk telefilem sebulan manakala untuk tempoh penggambaran sebuah filem dalam masa dua bulan.
1:18:22- 1:25:58	Pandangan tentang bidang teater	► Bidang teater pada masa kini semakin kurang mendapat perhatian di Malaysia. ► Kos untuk menjalankan sebuah teater yang agak tinggi kerana kos sewa dewan yang tinggi.
1:26:00- 1:30:15	Pengalaman tentang cerita Harimau Harimau	► Harimau Harimau merupakan adaptasi daripada novel Rentung karya Shahnnon Ahmad. ► Cerita ini berkisahkan satu keluarga yang degil dan tidak mahu melakukan inovasi dalam penanaman padi sebanyak dua kali setahun.
1:30:21-1:33:15	Pandangan tentang bayaran artis baharu	► Bayaran artis pada zaman dahulu dengan sekarang amat berbeza. Jalil Hamid mendapat bayaran sebanyak RM2500 untuk satu filem.

		► Artis sekarang bayaran mereka terletak pada paras rupa dan jumlah pengikut mereka.
1:33:23- 1:55:30	Pengalaman dalam bidang nyanyian	► Penulisan lirik lagu secara kreatif yang mempunyai maksud tersendiri seperti Lagu Ayam, Makan, Mata dan Raya. Semua lagu ditulis oleh Jalil Hamid.
1:55:35- 1:58:18	Pandangan terhadap pelawak dahulu dan sekarang	► Lawak dahulu banyak mempunyai maksud yang tersirat berbanding lawak sekarang yang lebih kepada menyentuh sesuatu yang sensitif seperti menghina tubuh badan seseorang.
1:58:28 - 2:01:45	Pengalaman pahit dalam bidang seni	► Terdapat penerbit yang tidak membayar hasil kerja beliau.
2:07:24 – 2:11:50	Harapan dan impian dalam bidang seni	► Berharap agar budaya, khazanah Melayu sentiasa terjaga dan tidak dilupakan.

RALAT

7.0 RALAT

Sesi temubual ini telah kami laksanakan bersama tokoh kami iaitu Encik Abdul Jalil Bin Abdul Hamid. Terdapat beberapa gangguan dan halangan yang tidak dapat dielakkan ketika temubual ini dijalankan. Oleh hal yang demikian, sesi temubual ini tetap berjalan dengan lancar. Antara faktor gangguan yang tidak dapat dielakkan ialah:

- Gangguan bunyi
- Gangguan suara orang ketiga
- Gangguan alat pengimbas suhu

Walaupun sesi temubual ini terdapat beberapa gangguan dan halangan, namun temubual ini dapat berjalan dengan jayanya. Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Abdul Jalil Bin Abdul Hamid di atas kesudian beliau untuk meluangkan masa untuk kami.

GLOSARI

8.0 GLOSARI

Adaptasi	Perubahan daripada novel ke dalam bentuk filem.
Asia Bagus	Program pencarian bintang yang dicipta dan diterbitkan oleh Fuji Television pada tahun 1992 untuk menggalakkan persembahan artis muda yang akan datang di Asia.
ASWARA	Institusi pengajian tinggi dalam bidang persembahan yang didokongi sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia dibawah Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.
Berlengging	Maksud perkataan ini ialah tidak pakai baju atau tidak berbaju.
Driving School	Salah satu filem lakonan Jalil Hamid. Arahan Othman Zainuddin pada tahun 1990.
Filem	Bentuk seni tampak mempersembahkan rupa atau “wayang” menyampaikan sesebuah cerita yang membangkitkan suasana, pandangan dan perasaan terdiri daripada rentetan atau turutan gambar yang bergerak diiringi bunyi termasuk muzik.
Lagu Ayam	Salah satu lagu yang dinyanyikan oleh Jalil Hamid.
Lagu Raya	Salah satu lagu yang dinyanyikan oleh Jalil Hamid.
Lagu Makan	Salah satu lagu yang dinyanyikan oleh Jalil Hamid.
Pi Mai Pi Mai	Sebuah sitkom yang pernah disiarkan di TV 3. Sitkom ini juga merupakan idea daripada Hatta Azad Khan yang menceritakan mengenai kehidupan seharian penduduk di Flat Seri Wangi.

Raja Lawak	Sebuah rancangan realiti televisyen yang berkonsepkan pencarian bakat pelapis kepada golongan pelawak elit sedia ada ini agar dapat diketengahkan dalam industri seni hiburan di Malaysia.
Teater	Persembahan-persembahan kesenian yang dilakukan di hadapan penonton langsung menggunakan kombinasi pertuturan, gerak isyarat, muzik, tarian, bunyi dan sebagainya.
Uda dan Dara	Uda dan Dara adalah karya Usman Awang yang diarahkan oleh Dinsman, seorang aktivis paksi yang terkenal dalam kalangan komuniti sastera, seni dan budaya Kuala Lumpur.

INDEKS

9.0 INDEKS

A

Adaptasi, 65, 94, 98

Asia Bagus, 71, 98

ASWARA, 61, 62, 98

B

Berlengging, 56, 97

Bidang seni, i, 4, 5, 6, 9, 11, 53, 62, 67, 76, 91, 109, 112, 113

D

Delegasi, 40

driving school, 41, 42, 55, 97

E

episod, 82, 91

F

filem, 4, 13, 14, 28, 42, 45, 56, 63, 65, 66, 94, 95, 97, 98, 109

I

Istana Budaya, 40, 58, 60

L

lagu ayam, 42, 69, 74, 76, 78, 79, 80, 81, 95, 97

lagu Makan, 80, 97

lagu Raya, 79, 80, 97

N

Nilai seni, 89

P

Pi Mai Pi Mai, 42, 58, 59

Popular ,18, 54, 55, 57, 68, 70, 76, 77

R

raja lawak, 57, 58, 81, 97

T

teater, 49, 34, 35, 36, 40, 41, 52, 54, 56, 57, 58, 59, 60, 69, 94, 97, 109, 110

U

Uda dan Dara, 40,60,97

W

Wajah kita, 63

BIBLIOGRAFI

10.0 BIBLIOGRAFI

Ahmad, F. U. (2018). *Pelakon veteran kurang diberi perhatian. . . salah siapa?* BebasNews.

<https://bebasnews.my/?p=926>

Asia Bagus. (1991). Google Arts & Culture. <https://artsandculture.google.com/entity/asia-bagus/m04n6lmv?hl=en>

Astro Awani. (2017). *60 tahun kemerdekaan, merdekakah industri seni Malaysia?*

astroawani.com. <https://www.astroawani.com/berita-hiburan/60-tahun-kemerdekaanmerdekakah-industri-seni-malaysia-153698>

ASWARA – Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan. (2006). ASWARA.

<https://www.aswara.edu.my/webportal/ms/>

JOKO, E. P. (2020). SEJARAH LISAN: ORAL HISTORY. *Jurnal Kinabalu*, 195.

Retrieved from <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/ejk/article/view/2491>

Kamus Dewan edisi keempat. (2017). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kepentingan Sejarah Lisan. (2007). Pusat Kajian Sejarah Lisan.

<http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/kepentingansejarahlisan.html>

Malaysia, U. K. (2007). *SEJARAH LISAN*. Pusat Kajian Sejarah Lisan. <http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/sejarahlisan.html>

MF Zamani. (2014). *Transkripsi dan analisis melodi gurindam terikat*. Dicapai pada 30 Ogos 2019, daripada [http://studentsrepo.um.edu.my/6096/1/RGI_120001_Mohd_Fairuz_bin_Zamani-Transkripsi_Dan_Analisis_Melodi_GurindamTerikat_\(Abstrak%2C_Isi_Kandungan%2C_Glossari%2C_Senarai_Lampiran%2C_Penghargaan\).pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/6096/1/RGI_120001_Mohd_Fairuz_bin_Zamani-Transkripsi_Dan_Analisis_Melodi_GurindamTerikat_(Abstrak%2C_Isi_Kandungan%2C_Glossari%2C_Senarai_Lampiran%2C_Penghargaan).pdf)

Nor, M. H. I. M. (2019). *Artis veteran lagi popular*. Harian Metro.

<https://www.hmetro.com.my/utama/2019/08/490984/artis-veteran-lagi-popular>

Shima, N. (2019). *Sejarah Lisan dan Kepentingannya*. PERMAS UPSI.

<https://permasupsi.wixsite.com/permasupsi/post/sejarah-lisan-dan-kepentingannya>

Starr, L. (1984). Oral history. In: D. K. B. Dunaway and K. Willa (Ed.). *Oral History: An Interdisciplinary Anthology*. London: Altamira Press.

Syed Ismail Syed Mustapha, D., Pushpavalli A. Rengasamy, & Meor Aris Meor Hamzah. (2016). *Sejarah lisan dan pendokumentasian*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.

Taib, H. (2019). EKSklusif: Hans Isaac saran pelakon muda tidak bawa watak veteran. Selangorkini. <https://selangorkini.my/2019/10/eksklusif-hans-isaac-saran-pelakon-mudatidak-bawa-watak-veteran/>

LAMPIRAN

11.0 LAMPIRAN

11.1 Biografi Tokoh



ABDUL JALIL BIN ABDUL HAMID

PROFIL

Seorang penggiat industri seni yang tersohor di Malaysia. Bermula seawal usia 17 tahun. Seorang pelakon, penyanyi dan pelawak yang berbakat besar dan berdedikasi.

MAKLUMAT PERIBADI

Umur : 64 Tahun
Tarikh lahir : 25 April 1957
Tempat lahir : Kampung Kuala Masai, Johor
No. Telefon : 019-6756650

RANGKAIAN SOSIAL

Facebook : JALIL HAMID
Instagram : JALILHAMID

PENDIDIKAN

Sekolah Rendah : Sekolah Rendah Kebangsaan
Felda Cahaya Baru, Masai,
Johor
Sekolah Menengah: Sekolah Menengah Kebangsaan
Datuk Penggawa Timur,
Masai, Johor
Pendidikan Tinggi: Kursus Dalam Bidang Seni
Pentas Di Universiti Sains
Malaysia Pulau Pinang.

11.2 Surat Perjanjian



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya E. JALIL B. A. HAMID K/P: 570425016679 pada
22/11/21 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Nama tokoh)

Tarikh:

(Siti Noorsiah Binti Jamaludin)

b.p.Dekan

Fakulti Pengurusan Maklumat

Universiti Teknologi MARA

11.3 SENARAI SOALAN

Draf Soalan

Topik: Biografi Artis Veteran

A. SOALAN ORIENTASI

BOLEH ENCIK CERITAKAN SERBA SEDIKIT TENTANG LATAR BELAKANG KEHIDUPAN ENCIK?

Latar belakang diri

1. Siapakah nama sebenar encik?
2. Bila encik dilahirkan?
3. Dimanakah encik dilahirkan?
4. Dimanakah encik dibesarkan?
5. Encik anak yang ke berapa dalam keluarga?
6. Boleh kongsi apa hobi Encik Jalil?

BOLEH ENCIK CERITAKAN SERBA SEIKIT TENTANG LATAR BELAKANG AHLI KELUARGA ENCIK?

1. Siapa nama ibu bapa encik?
2. Apakah pekerjaan ibu bapa encik?
3. Adakah keluarga encik juga melibatkan diri dalam bidang seni?

BOLEH ENCIK CERITAKAN JUGA SERBA SEDIKIT LATAR BELAKANG PENDIDIKAN ENCIK?

1. Dimanakah encik bersekolah rendah?
2. Dimanakah encik bersekolah menengah?
3. Apakah peringkat tertinggi pelajaran yang dilanjutkan oleh encik?
 - Dimana encik melanjutkan pelajaran?
 - Apakah bidang yang diambil oleh encik semasa melanjutkan pelajaran?

B. SOALAN UMUM

DALAM DUNIA LAKONAN INI, SIAPAKAH YANG MENJADI IDOLA ENCIK?

1. Siapa idola encik, Jalil?
2. Sejak bila encik mengidolakan beliau?
3. Mengapa beliau menjadi idola encik?
4. Bagaimana idola tersebut memberi impak kepada encik dalam bidang lakonan?

PENDAPAT

PADA PENDAPAT ENCIK, APAKAH PERBEZAAN ANTARA ARTIS DAHULU DENGAN SEKARANG?

1. Apakah pendapat encik dari segi kualiti pelakon dulu dan sekarang?

(Kualiti/ tidak) Kenapa encik berkata begitu?
2. Adakah set penggambaran dulu dan sekarang menunjukkan perbezaan?
3. Adakah dari segi bayaran dapat menunjukkan perbezaan yang ketara antara pelakon dulu dan sekarang?
4. Apakah pendapat encik tentang attitud dan disiplin pelakon dahulu dan sekarang?

C. SOALAN SPESIFIK

PENGALAMAN AWAL

UJIBAKAT

KETIKA ENCIK MULA MENCEBURKAN DIRI DALAM BIDANG SENI, ADAKAH ENCIK MENJALANI SEBARANG UJIBAKAT?

1. Apakah nama ujibakat yang encik sertai?
2. Siapakah juri ujibakat ketika itu?
3. Bila ujibakat tersebut dilakukan?
4. Dimana ia dilakukan?
5. Suasana ujibakat ketika itu?
6. Perasaan encik pada masa itu?
7. Ada artis lain yang terlibat ketika ujibakat itu berlangsung?

BOLEH ENCIK KONGSIKAN KEPADA KAMI BAGAIMANA ENCIK MULA MELIBATKAN DIRI DALAM INDUSTRI SENI LAKONAN?

Pilihan kerjaya

1. Bila encik mula menceburkan diri dalam bidang lakonan?
2. Bagaimana encik boleh terlibat dalam lakonan?
3. Siapa yang bertanggungjawab membawa diri encik dalam industri lakonan?

(Ibu bapa, rakan, orang sekeliling)

4. Pengalaman yang encik perolehi sepanjang berlakon?

KETIKA BERGIAT AKTIF DALAM INDUSTRI SENI TANAH AIR, ENCIK MEMULAKAN KERJAYA ARTIS SEBAGAI SEORANG PELAKON TEATER PADA USIA 17 TAHUN, BOLEH ENCIK KONGSIKAN PERJALANAN ENCIK SEPANJANG MENJADI SEORANG ARTIS PADA KETIKA ITU?

1.1 TEATER

1.1.1 Boleh encik ceritakan sedikit berkaitan dengan tajuk teater itu?

1.1.2 Rakan rakan yang Bersama dengan encik ketika itu?

1.1.3 Di mana lokasi penggambaran diadakan?

1.1.4 Berapa lama masa yang diambil untuk mempersiapkan latihan teater itu?

1.2 FILEM LAKONAN

Filem pertama

1.2.1 Menceritakan tentang apa?

1.2.2 Siapakah pelakon-pelakon yang terlibat ketika itu?

1.2.3 Apakah watak dia?

1.2.4 Siapakah pengarah ketika itu?

1.2.5 Di mana lokasi penggambaran diadakan?

1.2.6 Bagaimana penerimaan masyarakat pada masa itu?

1.2.7 Berapa bayaran diterima ketika itu?

Drama-drama lakonan

1. Berapa filem atau drama yang dilakonan selepas itu?
2. Apa drama atau filem blok?

3. Siapa antara pelakon yang rapat?
4. Drama yang memberi kesan kepada Encik?

NYANYIAN

APAKAH LAGU PERTAMA YANG ENCIK NYANYIKAN SEMASA KARIER AWAL ENCIK SEBAGAI SEORANG PENYANYI?

1. Apakah genre lagu tersebut?
2. Tajuk lagu yang dikeluarkan?
3. Apakah nyanyian pada ketika itu solo atau berduet?
4. Artis yang bersama-sama dengan encik ketika itu?
5. Bagaimana penerimaan masyarakat berkaitan lagu yang dibawa oleh encik pada masa itu?

BOLEH ENCIK KONGSIKAN PENGALAMAN MANIS SELAMA BERADA DI DALAM DUNIA INDUSTRI?

1. Apa kenangan yang manis yang masih segar dalam ingatan encik sehingga sekarang?
2. Kenangan manis bersama pelakon-pelakon yang encik pernah berkerja?
3. Kenangan manis bersama krew-krew produksi yang encik pernah berkerja?

APAKAH KENANGAN PAHIT YANG ENCIK LALUI SELAMA BERADA DI DALAM DUNIA INDUSTRI?

1. Liku-liku kehidupan encik yang encik tidak dapat lupakan?
2. Apakah pengalaman yang paling pahit kehidupan encik yang tidak dilupakan?
3. Apakah pengalaman yang tidak dapat dilupakan sepanjang berlakon?

4. Kenangan pahit bersama pelakon-pelakon yang encik pernah berkerja?
5. Kenangan pahit bersama krew-krew produksi yang encik pernah berkerja?

BOLEH ENCIK KONGSIKAN SERBA SEDIKIT MENGENAI PERKEMBANGAN ENCIK SEKARANG?

1. Apakah perkembangan semasa encik sekarang?
 - Selain berlakon dan menyanyi, adakah encik pernah melibatkan diri dalam bidang seni yang lain?

SELAIN DARIPADA INDUSTRI SENI, APAKAH PUNCA REZEKI ENCIK YANG BUKAN MELIBATKAN SENI?

2. Bagaimana boleh tercetus idea itu?
3. Perniagaan apa yang encik jalankan?
4. Kenapa memilih perniagaan itu?
5. Siapakah rakan kongsi encik dalam perniagaan itu?
6. Sejauh mana perniagaan itu membantu dalam kehidupan?
7. Kesan pandemik kepada encik?

APAKAH ANUGERAH YANG TELAH ENCIK PEROLEHI SEPANJANG MENCEBURI BIDANG SENI INI?

1. Yang manakah anugerah yang memberi impak dalam diri encik?
2. Apakah kategori yang pernah encik menang?
●(artis popular, drama popular)
3. Siapakah yang memberi anugerah ketika itu?
3. Pada tahun bila anugerah itu diberikan?
4. Punca encik diberikan anugerah tersebut?

SEPANJANG MENJADI ANAK SENI, BOLEH ENCIK KONGSIKAN APAKAH SUMBANGAN YANG TELAH ENCIK BERIKAN?

1. Sepanjang menjadi seorang artis industri seni, apakah sumbangan yang pernah encik peroleh sepanjang menjadi seorang artis?
2. Apakah bentuk sumbangan yang pernah encik berikan dalam industri seni?
3. Apakah bentuk sumbangan yang pernah encik berikan kepada masyarakat?
4. Apakah bentuk sumbangan yang pernah encik berikan kepada rakan artis yang lain?
5. Adakah encik dan rakan-rakan yang terdekat pernah melakukan aktiviti kebajikan kepada masyarakat yang memerlukan?

APAKAH HARAPAN ENCIK DALAM MENERUSKAN BIDANG SENI?

1. Adakah watak-watak lain yang menjadi impian encik yang masih belum tercapai?
2. Apakah yang menjadi harapan encik dalam industri lakonan hari ini?
3. Apakah perancangan encik untuk masa hadapan dalam dunia lakonan?
4. Tips yang boleh dikongsi untuk kekal lama bertahan di dalam industri seni.
5. Apa nasihat yang boleh diberikan untuk rakan artis yang baharu?

11.4 Diari Penyelidikan

TARIKH	MASA/LOKASI	TINDAKAN
10 Okt 2021	1500-1600 (Google Meet)	- Kami diberi penerangan oleh Puan Noorsiah tentang Sejarah Lisan. Beliau juga memberi arahan untuk mencari artis veteran pada tahun 60,70,80 an untuk ditemubual. - Membuat pemilihan rakan untuk melaksanakan tugas yang diberi. - Hayyu dan Shahira bersetuju untuk bersama-sama menyiapkan tugas ini.
12 Okt 2021	2100-2200 (Whatsapp)	- Hayyu dan Shahira berbincang berkaitan pemilihan tajuk dan tokoh yang akan ditemubual. - Pencarian tokoh artis veteran menerusi laman sosial (Internet, Instagram, dan Facebook)
13 Okt 2021	0800-0950 (Google Meet)	Puan Noorsiah memberi keterangan mengenai kertas kerja berkaitan tokoh artis veteran.
20 Okt 21	0800-0950 DK 2	- Puan Noorsiah meminta kami untuk menyediakan kertas kerja dan Kajian Literature mengenai tajuk yang dipilih masing-masing. - Kami menyenaraikan tokoh yang - Kami memilih Encik Jalil Hamid sebagai artis yang akan ditemubual.
24 Okt 2021	1500-1550 DK 2	- Penerangan OH Q - Pemilihan akhir iaitu tokoh artis veteran yang dipilih adalah Jalil Hamid

25 Okt 2021	1000-1300 Kolej	● Merangka kertas kerja dan memahami berkaitan proposal ● Pembahagian kerja
26 Okt 2021	1400-1430 (Whatsapp)	● Berbincang berkaitan pendahuluan ● Membuat pendahuluan
27 Okt 2021	0800-0950 DK 2	● Berbincang berkaitan latar belakang kajian ● Membuat latar belakang kajian
1 Nov 2021	1600-1800 Kolej	● Merangka soalan OH Q bersama-sama ● Mengatur janji temu bersama Encik Abdul Jalil Bin Abdul Hamid
10 Nov 2021	0800-0950 DK 2	● Puan Noorsiah memberi penerangan berkaitan transkrip
14 Nov 2021	0800-1700 Ufuture	● Penghantaran kertas kerja dan OH Q
20 Nov 2021	1400-1700 Cafe	● Hayyu dan Shahira berjumpa untuk perbincangan sebelum menemubual tokoh.
21 Nov 2021	1000-1200 Cafe	● Perbincangan terakhir sebelum sesi temubual yang sebetulnya
22 Nov 2021	1000-1200 Perpustakaan Raja Tun Uda	● Sesi interview bersama Encik Abdul Jalil Bin Abdul Hamid
1 Dis 2021	1500-1550 DK 2	● Penerangan berkaitan penulisan artikel
1 Dis 2021	1500-1550 Kolej	● Perbincangan bersama untuk menyelesaikan transkrip
3 Dis 2021	1000-1800 Kolej	● Hayyu dan Shahira menyiapkan transkrip temubual bersama tokoh
12 Dis 2021	1500-1550 BK 2	● Hayyu dan Shahira menyambung kerja transkrip temubual di kelas.

31 Dis 2021	1200-1400 Melaka	● Penghantaran skrip untuk dibukukan
9 Jan 2021	0800- 1700 Ufuture	● Penghantaran transkrip dan 'pendrive'

11.5 Gambar, Sijil-Sijil dan Hal Berkaitan



